



PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS
2014

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARI SELASA : 18 MAC 2014

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO. 8 HINGGA 79)

SOALAN NO. 2 JAWAB BERSEKALI SOALAN NO. 16

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 7

[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ER TECK HWA [BAKRI]

TARIKH : 18 MAC 2014

SOALAN:

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan peranan dan bidang tugas dimainkan oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan Jabatan Perikanan Malaysia daripada segi pengawalan pencerobohan zon perikanan dan penggunaan alat atau kaedah perikanan yang tidak dibenarkan. Apakah KPI untuk agensi-agensi tersebut berkenaan dengan aktiviti penguatkuasaan undang-undang perikanan.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Perikanan Malaysia merupakan jabatan yang bertanggungjawab mengeluarkan lesen bagi penangkapan ikan di Malaysia. Selain itu juga, Jabatan Perikanan bertanggungjawab untuk menentukan jenis peralatan menangkap ikan yang sesuai di zon tangkapan ikan A, B, C, C2 dan C3. Ini adalah berdasarkan Akta Perikanan 1985.

Penguatkuasaan undang-undang bagi Akta Perikanan 1985 merupakan antara fokus operasi yang dilaksanakan oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM). Sebagai agensi tunggal yang menguatkuasakan Undang-Undang Persekutuan di Zon Maritim Malaysia (ZMM) sejak November 2011, APMM serius dalam menangani dan mengawal isu pencerobohan zon perikanan dan kesalahan penggunaan peralatan menangkap ikan yang diharamkan demi memastikan agar sumber perikanan di dalam ZMM terus terpelihara dan berpanjangan. APMM juga bertanggungjawab menguatkuasakan undang-undang sekiranya berlaku pencerobohan terhadap perairan negara oleh nelayan-nelayan asing. Sebagai agensi pelaksana yang menguatkuasakan undang-undang perikanan, APMM telah melaksanakan pelbagai kaedah dan cara bagi menangani dan mengawal isu ini melalui kaedah berikut:

1. Meningkatkan kekerapan rondaan di kawasan-kawasan yang sering dilaporkan berlaku pencerobohan kawasan sebagai cegah rintang terhadap aktiviti ini.
2. Menjalinkan kerjasama dengan persatuan nelayan kawasan melalui program dialog, ceramah kesedaran dan Projek Jiwa Murni.
3. Mewujudkan program 'Sahabat Maritim' yang mendekatkan lagi kewujudan APMM dengan komuniti maritim terutamanya golongan nelayan.
4. Tindakan pantas dengan penghantaran aset operasi berdasarkan aduan daripada sumber risikan dan pemberi maklumat.
5. Tindakan berdasarkan aduan oleh pengadu melalui portal E-Maritim.

APMM juga telah merangka Indeks Kajian Prestasi bagi menangani isu-isu perikanan di bawah Objektif Strategik Bahagian Operasi iaitu Zon Maritim Malaysia yang AMAN DAN TERKAWAL. KPI ini menggariskan Petunjuk Prestasi Utama melalui peratus Pematuhan Undang-undang terhadap Akta Perikanan 1985 yang didefinisikan dengan menguatkuasakan Akta Perikanan 1985 di Zon Maritim Malaysia. Berpandukan KPI ini APMM telah melaksanakan inisiatif seperti berikut:

1. Memperagakan kehadiran di kawasan titik panas;
2. Peningkatan cegah rintang secara visual (*Visible Deterrent*);
3. Peningkatan pengawasan dan pemantauan (*Domain Maritime Awareness*);

4. Peningkatan Tindak balas pantas (*Swift Response*);
5. Sentiasa hadir (*Ever Present*);
6. Menjangkau jauh (*Forward Reaching*);
7. Peningkatan jaringan kerjasama dengan agensi penguatkuasaan di dalam dan luar negara;
8. Peningkatan kecekapan penguatkuasaan;
9. Penanda aras dengan *Japan Coast Guard*.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATO' IR. HAJI NAWAWI AHMAD**

KAWASAN : **LANGKAWI**

TARIKH : **18.3.2014 (SELASA)**

NO. SOALAN : **9**

Y.B. DATO' IR. HAJI NAWAWI AHMAD minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah ada perancangan Kementerian bagi mempopularkan dan menggalakkan penggunaan kenderaan elektrik (EV), sekiranya ada, adakah Kementerian akan menyediakan stesen-stesen cas elektrik seperti stesen petrol. Apakah Kementerian juga bercadang untuk memberi sebarang insentif kepada pengguna kenderaan elektrik tersebut.

Jawapan

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan telah pun menawarkan pelbagai insentif untuk menggalakkan rakyat Malaysia beralih kepada kenderaan mesra alam sekitar seperti hibrid dan elektrik. Antara insentif ini termasuklah pengecualian duti import dan eksais ke atas pengimportan kenderaan elektrik secara CBU (*completely built-up*) mulai 1 Januari 2011 di bawah Bajet 2011. Walaupun insentif ini telah tamat pada 31 Disember 2013, Kerajaan terus menyediakan insentif seumpama bagi kenderaan elektrik yang dipasang secara tempatan, di samping insentif-insentif *customized* lain.

Tuan Yang Di Pertua,

Di bawah kajian semula Dasar Automotif Nasional (NAP) yang diumumkan pada 28 Oktober 2009, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) telah dimandatkan untuk membangunkan satu pelan hala tuju bagi pembangunan infrastruktur bagi kenderaan elektrik.

KeTTHA dengan kerjasama syarikat pengeluar kenderaan elektrik sudahpun mula membina beberapa stesen pengecas bagi kenderaan elektrik untuk menyokong kajian teknologi dan pengumpulan data-data teknikal mengenai kawal selia kenderaan elektrik serta tingkah laku pengguna.

Di bawah NAP 2014, Kerajaan juga menyediakan insentif dalam bentuk pinjaman mudah bagi pembangunan infrastruktur untuk kategori kenderaan bertenaga efisien (EEV) yang mana termasuk kenderaan elektrik serta program promosi dan kesedaran.

NO. SOALAN: 10

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY
[KOTA KINABALU]**

TARIKH : 18 MAC 2014

RUJUKAN : 6507

SOALAN:

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik bilangan anggota polis di setiap daerah atau kawasan di Sabah. Apakah statistik jenayah yang terkini di Sabah.

Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam proses membuat semakan struktur dan pengukuhan perjawatan dalam tempoh terdekat ini ke atas Ibu Pejabat Polis Kontinjen, Ibu Pejabat Daerah dan Balai Polis di seluruh negara. Semakan ini bertujuan untuk mengkaji keperluan perjawatan dan logistik mengikut kesesuaian pada masa kini. Kajian ini termasuk juga keperluan di Kontinjen Sabah bagi tujuan mengemukakan kepada Agensi Pusat (JPA/KDN) untuk kelulusan. Jumlah perjawatan yang sedia ada masa kini masih lagi dapat mengimbangi kedudukan jenayah yang berlaku di Kontinjen Sabah dan pihak PDRM akan mengisi kekosongan mengikut perjawatan yang diluluskan dalam tempoh yang terdekat ini.

Bagi pertanyaan berkaitan statistik jenayah Indeks bagi Kontinjen Sabah, statistik menunjukkan penurunan daripada 6,046 kes pada 2012 kepada 3,893 kes pada 2013 iaitu penurunan sebanyak 35.6% (peratus). Penyumbang terbesar kes jenayah bagi Kontinjen Sabah ialah jenayah harta benda, terutama berkaitan dengan kes curi dan pecah rumah yang berjumlah 3,279 kes daripada keseluruhan 3,893 kes yang dilaporkan pada tahun 2013. Secara keseluruhannya tahap jenayah yang dikendalikan oleh Kontinjen Sabah masih lagi di bawah kawalan dan tidak membimbangkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL [KANGAR]
TARIKH : 18.03.2014 (SELASA)

IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL [KANGAR] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan:-

- a) Langkah Kerajaan bagi mengelakkan subsidi minyak disalahgunakan terutama yang melibatkan kenderaan perdagangan dan persendirian; dan
- b) Adakah Kerajaan akan memperkenalkan kad mengisi minyak kepada kenderaan perdagangan dan persendirian yang layak menikmati subsidi.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

- a) Bagi mengelak minyak bersubsidi disalahgunakan atau diseleweng, beberapa langkah telah diambil seperti berikut;
 - i. Menetapkan kuota jualan minyak diesel di stesen-stesen minyak. Permohonan tambahan kuota diesel oleh mana-mana syarikat minyak akan dikaji dari semasa ke semasa;
 - ii. Mengeluarkan arahan kepada semua stesen minyak supaya jualan diesel hanya untuk tangki asal kenderaan sahaja dan tidak boleh menggunakan bekas atau tong kecuali atas kebenaran Pengawal melalui Permit Barang Kawalan Berjadual (Khas);
 - iii. Mengambil tindakan undang-undang di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 ke atas pengusaha stesen minyak yang tidak mematuhi syarat-syarat lesen yang telah ditetapkan.
 - iv. Mengarahkan syarikat pengeluar minyak mengemukakan maklumat penghantaran minyak ke stesen bagi memantau mana-mana stesen yang membuat pembelian diesel dalam kuantiti yang meragukan untuk diambil tindakan;

- v. Menghadkan penjualan diesel kepada 20 liter bagi kenderaan berpendaftaran asing di stesen minyak yang berada dalam lingkungan 50 kilometer daripada sempadan;
- vi. Menghadkan waktu operasi stesen minyak dalam lingkungan 10 kilometer dari sempadan sehingga jam 10.00 malam;
- vii. Mewartakan barang kawalan minyak petrol RON95 dan minyak diesel sebagai barangan Larangan Eksport dibawah Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (Larangan Eksport) 2011 yang berkuatkuasa mulai tahun 2011; dan
- viii. mengadakan kerjasama atau Operasi Khas dengan agensi-agensi penguatkuasaan lain seperti Ikatan Relawan Rakyat (RELA), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Pasukan Gerakan Am (PGA), Unit Pencegah Penyeludupan (UPP), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Angkatan Tentera Malaysia bagi mengekang aktiviti penyelewengan diesel bersubsidi.

b) Pada masa ini, pemberian subsidi petroleum oleh Kerajaan adalah menyeluruh bagi semua lapisan rakyat. Pemberian subsidi yang tidak fokus kepada kumpulan sasaran akan mengakibatkan implikasi kewangan yang besar kepada negara. Oleh itu, Kerajaan berusaha memperkukuhkan mekanisme pemberian subsidi supaya lebih cekap dan berkesan serta lebih fokus kepada kumpulan

sasaran. Kajian berhubung dengan mekanisme pemberian subsidi petroleum ini perlu dibuat dengan teliti dan teratur untuk memastikan ia tidak menjejaskan kesejahteraan rakyat di samping memberi kesan positif kepada ekonomi Negara. Selaras dengan itu, Kerajaan belum menetapkan mekanisme tertentu sama ada melalui kad mengisi minyak atau selainnya dalam melaksanakan penstrukturan semula pemberian subsidi petroleum.

NO. SOALAN: 12

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]

TARIKH : 18 MAC 2014

RUJUKAN : 6510

SOALAN:

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan keadaan sebenar '*gated community*' dan '*guarded neighborhoods*' dalam Negara termasuk bilangannya. Apakah bilangan pengawal keselamatan yang terlatih dan tidak terlatih serta Negara asalnya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa sekarang terdapat seramai 249,946 pengawal keselamatan warganegara Malaysia dan seramai 9,500 orang warganegara asing (Nepal). Untuk memantapkan industri kawalan keselamatan di negara ini, Kementerian telah mewajibkan semua syarikat untuk memberi latihan kepada sekurang-kurangnya 65 peratus daripada pengawal keselamatan mereka untuk melayakkan syarikat kawalan keselamatan memperbaharui lesen pada setiap tahun. Sehingga bulan Februari 2014, sebanyak 174,962 orang daripada 249,946 orang pengawal keselamatan tempatan dan 2173 orang daripada 9,500 orang pengawal keselamatan warganegara Nepal yang sah telah menjalani latihan yang dikendalikan oleh Kementerian Dalam Negeri dan Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Malaysia (PPKKM).

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. Dr. Mansor bin Abd Rahman [Sik]**
TARIKH : **18.03.2014**
SOALAN :

Y.B. Dr. Mansor bin Abd Rahman [Sik] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa peratuskah tahap penguasaan Bahasa Inggeris meliputi penguasaan dan perkembangan di kalangan murid-murid di sekolah bandar dan juga luar bandar dan apakah usaha-usaha di pihak Kementerian untuk meningkatkan tahap penguasaan murid-murid ini terutamanya di luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara keseluruhannya peratus murid yang melepasi tahap penguasaan minimum dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) tahun 2013 adalah 74.4% bagi sekolah kebangsaan (SK) dan 71.4% bagi sekolah jenis kebangsaan (SJK). Manakala di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), peratus murid lulus dalam Bahasa Inggeris bagi tahun 2012 ialah 78.1%.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha memperbaiki penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan murid sekolah rendah dan menengah terutamanya di luar bandar. Antara usaha yang dilakukan adalah:

- i. Meningkatkan tahap penguasaan bahasa Inggeris murid pada peringkat Sekolah Rendah ialah melalui Program Linus 2.0 Literasi Bahasa Inggeris telah bermula di semua sekolah rendah mulai Jun 2013. Program ini mengenal pasti murid yang belum menguasai literasi Bahasa Inggeris dan

mereka ditempatkan dalam kumpulan khas untuk mempelajari asas literasi Bahasa Inggeris dengan lebih berkesan;

- ii. Melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris yang berfokus kepada tahap profisiensi murid melalui Sistem Set. PdP ini dilaksanakan di Tingkatan 1 bertujuan mengukuhkan tahap penguasaan Bahasa Inggeris di tahap menengah rendah;
- iii. Murid-murid sekolah rendah diperkenalkan sastera kontemporari kanak-kanak, manakala di peringkat sekolah menengah murid digalakkan membaca buku Bahasa Inggeris melalui Komponen Sastera Bahasa Inggeris (KOMSAS);
- iv. Memperkenalkan Program *Fulbright English Teaching Assistant* (ETA) sebagai satu inisiatif meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan murid di luar bandar. Program ini disasarkan di 100 buah sekolah menengah dan rendah di luar bandar di negeri Terengganu, Pahang, Perak, Johor, Sabah dan Sarawak yang dikenal pasti mempunyai pencapaian yang rendah berdasarkan Gred purata mata pelajaran (GMP) Bahasa Inggeris dalam UPSR / SPM yang rendah iaitu 4.00 – 5.00 bagi UPSR dan 6.50 – 9.0.0 bagi SPM;
- v. Meneruskan pelaksanaan Program Penutur Jati Bahasa Inggeris. Seramai 295 orang penutur jati telah melaporkan diri pada Januari 2014;
- vi. Melaksanakan *SPM English Language Initiatives* di 1191 sekolah *hotspot* (Band 3 hingga 7) yang dijangka mulai Julai 2014; dan
- vii. KPM juga akan menerima seramai 90 orang guru Bahasa Inggeris dari negara India (ELTI) dijangka mulai Julai 2014, yang berperanan memberi *coaching* dan *mentoring* serta melatih guru-guru Bahasa Inggeris bagi meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan murid-murid.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. Raja Dato' Kamarul Bahrin Shah**
[Kuala Terengganu]

TARIKH : **18.3.2014**

SOALAN :

Y.B. Raja Dato' Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan jangka masa panjang untuk melatih dan memberi kursus pengajian sijil/diploma/ijazah yang diperlukan untuk mengisi keperluan hotel-hotel tempatan yang sekarang ini kakitangannya ramai terdiri daripada warga asing.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi melahirkan graduan yang memenuhi keperluan dan kehendak sektor perhotelan dan pelancongan, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menubuhkan Jawatankuasa *Task Force* Program Hospitaliti dan Pelancongan yang bertanggungjawab untuk memberikan khidmat nasihat kepada Kementerian dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan program Hospitaliti dan Pelancongan seperti mencadangkan pindaan dan perubahan kurikulum bagi memenuhi keperluan pasaran, mengenal pasti dan mencadangkan bentuk latihan, pembangunan pendidikan dan kemahiran yang berkaitan serta mengenal pasti dan mencadangkan kaedah serta bentuk program kerjasama antara institusi pengajian tinggi (IPT) bagi tujuan perkongsian kemudahan, sumber dan kepakaran.

Selain itu, program di peringkat Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Pengurusan Pelancongan dan Hospitaliti Antarabangsa telah diperkenalkan di politeknik pada September 2013. Di samping itu, pemerkasaan Kolej Komuniti dibangunkan melalui strategi pemerkasaan kurikulum bagi program Sijil Kolej Komuniti dan menambah baik kaedah pembelajaran dan pengajaran.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Sistem Kajian Pengesanan Graduan yang dilaksanakan oleh KPM semasa hari konvokesyen pada tahun 2013 menunjukkan seramai **5,772 orang atau 71.3 peratus graduan jurusan hospitaliti dan pelancongan di peringkat Sijil, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda dari IPT telah bekerja**. Graduan keluaran institusi pengajian tinggi ini adalah untuk mengisi jawatan di peringkat pengurusan atau profesional.

Selaras dengan usaha Kerajaan dalam melonjakkan pertumbuhan ekonomi negara dengan memperkasakan modal insan dalam sektor perkhidmatan dan pelancongan, *Malaysia Centre For Tourism & Hospitality* (MyCenTHE) telah ditubuhkan pada 18 Ogos 2011 dan Universti UCSI telah dilantik sebagai pengerusi MyCenTHE. Peranan utama MyCenTHE adalah untuk meningkatkan kualiti pendidikan dalam bidang hospitaliti dan pelancongan, selain mempromosikan kurikulum pembelajaran berasaskan kerja (*Work-Based Learning*, WBL) melalui kerjasama strategik dengan pemain industri hospitaliti dan pelancongan di Malaysia.

Rjm31

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK CHUA TEE YONG
(LABIS)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 18.03.2014

Y.B. DATUK CHUA TEE YONG [LABIS] minta **MENTERI KEWANGAN**

menyatakan apakah status pembaharuan fiskal kerajaan dalam mencapai sasaran pengurangan subsidi dari RM46.7 bilion ke RM39.4 bilion mengikut laporan ekonomi 2013/2014 serta apakah rasionalisasi subsidi lain yang akan dijalankan pada tahun 2014.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan akan terus melaksanakan langkah pembaharuan fiskal (*fiscal reform*) termasuk rasionalisasi subsidi untuk meningkatkan kecekapan

perbelanjaan dan pengagihan sumber kewangan Kerajaan. Langkah ini perlu bagi mengukuhkan kedudukan kewangan dan memastikan sasaran defisit fiskal pada paras 3.5% kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada tahun ini, 3% pada 2015 dan bajet berimbang (*balanced budget*) pada 2020 tercapai. Komitmen tersebut adalah bagi memastikan paras hutang sentiasa tidak melebihi 55% daripada KDNK dan kemampanan fiskal jangka panjang negara. Pada masa kini, kebanyakan negara telah mengambil langkah-langkah drastik untuk mengurangkan defisit fiskal mereka, namun Malaysia mengambil pendekatan secara beransur-ansur bagi menyokong pertumbuhan ekonomi yang berterusan dan pada masa yang sama mengekalkan kesejahteraan rakyat.

Langkah rasionalisasi subsidi telah dilaksanakan dengan berhati-hati bagi memastikan kesan yang minimum dan tidak membebankan rakyat, terutamanya kepada golongan berpendapatan rendah. Rasionalisasi subsidi dilaksanakan dengan mengalih secara berperingkat kaedah pemberian subsidi secara pukal yang membawa banyak ketirisan, kepada subsidi yang lebih bersasar. Di samping itu, pelaksanaan rasionalisasi subsidi akan mengambil kira pelbagai aspek termasuk kadar inflasi, kos

sara hidup dan kedudukan ekonomi global semasa serta mekanisme sasaran (*targeting mechanism*). Aspek tersebut juga menjadi asas pertimbangan bagi Jawatankuasa Dasar Fiskal (FPC), yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, dalam membuat keputusan mengenai pelaksanaan rasionalisasi subsidi.

Sebagaimana Ahli-ahli Berhormat sedia maklum,

Kerajaan juga telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Kabinet Menangani Kos Sara Hidup Rakyat yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri. Jawatankuasa tersebut bertindak sebagai jawatankuasa pusat untuk menangani isu-isu kenaikan kos sara hidup rakyat dan harga barangan secara bersepadu.

Tuan Yang di-Pertua,

Penjimatan daripada rasionalisasi subsidi secara tidak langsung akan dipulangkan kembali kepada rakyat terutama golongan bersasar supaya kesan kenaikan kos sara hidup dapat diimbangi. Antara langkah-langkah

yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan bagi membantu meringankan beban golongan mudah terjejas dalam menangani peningkatan kos sara hidup adalah seperti berikut:

- Meningkatkan dan meluaskan pemberian BR1M kepada isi rumah berpendapatan RM4,000 sebulan dan ke bawah serta individu bujang berpendapatan RM2,000 dan ke bawah;
- Memperkenalkan i-BR1M bagi memberi perlindungan maksimum sehingga RM30,000 kepada penerima isi rumah BR1M sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal akibat kemalangan;
- Memberi bantuan persekolahan RM100 kepada setiap pelajar tanpa mengira pendapatan keluarga;
- Memberi bantuan persekolahan murid sekolah dalam bentuk pemansuhan yuran persekolahan, bantuan makanan dan pinjaman buku teks serta insurans bas sekolah;
- Memberi bantuan yuran taska sebanyak RM250 sebulan kepada keluarga berpendapatan rendah;
- Meneruskan Program Baucar Buku 1Malaysia bernilai RM250 setiap pelajar institut pengajian tinggi bagi membantu mengurangkan kos pembelian buku dan peralatan pembelajaran;
- Membuka lebih banyak pasar tani, pasar ikan, gerai buah, Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) serta jualan terus dari kilang bagi memastikan harga yang

berpatutan untuk produk makanan dan keperluan asas;

- Melaksanakan program penyeragaman harga di Sabah dan Sarawak di mana Kerajaan memberi bantuan dari segi kos penghantaran dan pengagihan;
- Meneruskan subsidi, insentif dan bantuan lain seperti subsidi pertanian, pesawah, nelayan, pendidikan, kesihatan dan pengangkutan dengan peruntukan sebanyak RM39.4 billion pada 2014 (2013: 46.7 billion);
- Menyediakan pelbagai bantuan secara tidak langsung dalam bentuk perkhidmatan sosial dengan bayaran yang minimum atau percuma. Contohnya, rawatan perubatan di klinik dan hospital Kerajaan, pendidikan di sekolah rendah, menengah dan di institusi pengajian tinggi awam serta biasiswa dan pinjaman pelajaran;
- Membina rumah mampu milik bagi golongan miskin, berpendapatan rendah dan sederhana di seluruh negara di bawah Jabatan Perumahan Negara (Program Perumahan Rakyat, Program Perumahan Rakyat Disewa dan Perumahan Rakyat Bersepadu), Perbadanan Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) dan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB); dan
- Memberi pelepasan cukai khas sebanyak RM2,000 ke atas pendapatan tahun 2013 yang akan memberi penjimatan bayaran cukai sehingga RM480.

Pada tahun 2015, satu jaringan keselamatan sosial (*social safety net*) yang lebih menyeluruh akan diperkenalkan. Sehubungan dengan itu, Unit

Perancang Ekonomi (EPU) sedang menjalankan kajian bagi mewujudkan sistem jaringan keselamatan sosial tersebut. Bagi tujuan ini, Kerajaan akan mewujudkan satu sistem pangkalan data yang komprehensif, termasuk mengintegrasikan data e-Kasih, data penerima bantuan kebajikan dan penerima BR1M bagi memastikan tiada pertindihan dan kecaciran pemberian bantuan kepada golongan sasaran.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain langkah rasionalisasi subsidi bagi mengukuhkan kedudukan fiskal negara, Kerajaan telah melaksanakan 11 langkah penjimatan bagi memastikan perbelanjaan oleh Kementerian /agensi Kerajaan yang lebih berhemat. Kesemua langkah ini dilaksanakan melalui Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 2014 - "Garis Panduan Perbelanjaan Secara Berhemat Bagi Mengurangkan Perbelanjaan Awam" berkuatkuasa mulai 2 Januari 2014. Anggaran penjimatan perbelanjaan daripada 11 langkah tersebut adalah sebanyak RM400 juta bagi tahun 2014. Kerajaan juga telah menetapkan bahawa pengauditan ke atas projek yang melebihi RM100 juta dilakukan semasa pelaksanaan projek bagi meningkatkan

kecekapan perbelanjaan, terutamanya bagi projek yang berimpak tinggi.

Selain itu, bagi memastikan pembelian barangan dan perkhidmatan adalah berdasarkan nilai wang setimpal (*value for money*), Kerajaan telah mengetatkan prosedur perolehan Kerajaan dengan melaksanakan langkah-langkah berikut:

- i. Mengurangkan *threshold* bagi pembelian terus dari RM50,000 kepada RM20,000 bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan; dan
- ii. Mengurangkan siling bagi pembelian yang menggunakan Jadual Kadar (*Schedule of Rates*) daripada RM100,000 kepada RM50,000 bagi perolehan kerja.

Langkah ini dilaksanakan melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 1 Tahun 2014 – “Langkah Penjimatan Dalam Perolehan Kerajaan: Had Nilai Pembelian Terus Bagi Bekalan & Perkhidmatan dan Had Nilai Kerja-Kerja *Requisition*” berkuatkuasa mulai 18 Februari 2014. Anggaran penjimatan perbelanjaan daripada langkah tersebut adalah sebanyak RM320 juta bagi tahun 2014.

Tuan Yang di-Pertua,

Langkah-langkah yang telah dinyatakan tersebut jelas menunjukkan bahawa Kerajaan sentiasa perihatin terhadap kesejahteraan rakyat walaupun dalam melaksanakan langkah mengukuhkan kedudukan fiskal negara. Semua langkah yang dilaksanakan oleh Kerajaan adalah bagi memastikan negara mencapai status negara maju berpendapatan tinggi dengan rakyat dapat menikmati kualiti hidup yang lebih baik.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN HAJI ZAINUDIN BIN ISMAIL
[JELEBU]
TARIKH : 18 MAC 2014 (SELASA)
SOALAN : Tuan Haji Zainudin bin Ismail [Jelebu] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah cabaran-cabaran baru yang mungkin menanti sektor tanaman bagi pertanian kecilan juga tanaman komersial pada masa akan datang.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Antara cabaran-cabaran baru yang mungkin dihadapi dalam pembangunan sektor tanaman sama ada kecilan atau komersial pada masa akan datang adalah seperti berikut:

- i. peningkatan kos pengeluaran seperti input pertanian, buruh dan sebagainya;
- ii. kekurangan tanah untuk menjalankan aktiviti pertanian kerana terpaksa bersaing dengan sektor perladangan dan pembangunan komersial;
- iii. persaingan dengan sektor lain untuk mendapatkan tenaga buruh;
- iv. perubahan cuaca yang ketara (perubahan musim penanaman);
- v. meningkatkan pengeluaran bagi menjamin bekalan dan keselamatan makanan;
- vi. memenuhi keperluan perubahan diet pengguna;
- vii. meningkatkan produktiviti secara mampan;
- viii. mengurangkan defisit imbalan dagangan makanan terutama bagi tanaman yang boleh ditanam di dalam negara;
- ix. mencapai ekonomi berpendapat tinggi; dan
- x. meningkatkan daya saing bagi menghadapi globalisasi dan liberalisasi.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD**
[PASIR PUTEH]
TARIKH : **18 MAC 2014 (SELASA)**
SOALAN : **Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad) minta**
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS
TANI menyatakan memberitahu jumlah
pertubuhan peladang di kawasan Pasir Puteh.
Apakan peranan yang dimainkan oleh setiap PPK
dan pencapaian/ kejayaan yang dicapai setakat
ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Terdapat dua buah PPK di kawasan Pasir Puteh iaitu PPK Cherang Rotan dan PPK Bukit Jawa yang dikawalselia oleh Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA).

Antara peranan yang dimainkan oleh kedua-dua PPK tersebut ialah membantu KADA meningkatkan pengeluaran padi dan beras, di samping menyediakan kemudahan perkhidmatan kejenteraan ladang, input pertanian, pembiayaan kredit, serta melaksanakan pelbagai program ekonomi terutama dalam bidang pertanian kepada ahli-ahli peladang. Selain itu, PPK tersebut juga memberi perkhidmatan pengembangan terutama dalam penggunaan teknologi baru dan melaksanakan aktiviti sosial dan kemasyarakatan ke arah menyatupadukan masyarakat dalam kawasan PPK.

Antara pencapaian dan kejayaan kedua-dua PPK tersebut ialah berjaya meningkatkan keluasan kawasan penanaman padi serta produktiviti pengeluaran

padi melalui pelaksanaan Mini Estet Padi dan projek NKEA Padi di Bendang Cherang Rotan. PPK tersebut juga berjaya membangunkan usahawan padi komersial individu dengan keluasan tanaman melebihi 20 ekar seorang, di samping melahirkan usahawan tani dalam bidang pemprosesan makanan yang berjaya mencatat nilai pendapatan tahunan jutaan ringgit seperti Syarikat Manzini di Kg. Padang Pak Amat, Pasir Puteh. Pihak PPK bersama KADA juga telah membantu dalam pembesaran premis, mendapatkan persijilan HALAL dan memberi khidmat nasihat yang berterusan.

Dibawah pengendalian Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) terdapat 3 buah PPK di kawasan Pasir Puteh iaitu PPK Tiga Daerah, PPK Bukit Awang dan PPK Semerak. Peranan yang dimainkan oleh ketiga-tiga PPK adalah seperti menyediakan perkhidmatan barang-barang bekalan ladang, perkhidmatan pemasaran, perkhidmatan infrastruktur ladang, perkhidmatan mekanisasi dan automasi ladang. Selain itu PPK ini juga menyediakan khidmat pengurusan dan pembangunan sumber manusia, pembiayaan dan simpanan, kemudahan teknologi memproses makanan, perkhidmatan pengembangan serta khidmat nasihat, perkhidmatan lepas tuai perkhidmatan pusat sumber dan siber tani.

Antara pencapaian dan kejayaan PPK di bawah pengendalian LPP, adalah sebanyak 73 unit peladang dengan jumlah keahlian seramai 9,087 orang ahli telah dibangunkan dengan jumlah saham terkumpul sebanyak RM1,045,972. Manakala isipadu perkhidmatan adalah sebanyak RM8,676,806. Daripada jumlah tersebut 47% melibatkan perkhidmatan pembekalan barang-barang bekalan dan input pertanian, 5% melibatkan perkhidmatan automasi ladang, 21% melibatkan perkhidmatan pemasaran dan 27% melibatkan lain-lain perkhidmatan. Selain itu, sejumlah RM26,270 juga telah dibelanjakan bagi tujuan kebajikan melibatkan 2601 orang ahli.

PPK di Pasir Puteh ini juga berjaya menyumbang terhadap pengeluaran agromakanan melalui penyertaan ahli di dalam aktiviti pengeluaran makanan. Seramai 419 orang peladang dapat digembeling oleh ketiga-tiga PPK tersebut dalam enam (6) komoditi agromakanan dengan pencapaian pengeluaran tahunan adalah sebanyak 2,598.33 metrik tan dengan nilai hasil RM4,440,640.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATUK HAJI DATU NASRUN BIN DATU MANSUR**
[SILAM]
TARIKH : **18 MAC 2014 (SELASA)**
SOALAN : **Minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan melalui Dasar Agromakanan Negara (DAN) 2011- 2020 apakah keberhasilan dasar tersebut terhadap penanaman tanaman makanan tempatan seperti sayuran, buah buahan tempatan sentiasa terpelihara dalam keadaan yang boleh dibekalkan kepada keperluan dalaman negara kita.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Di bawah Dasar Agromakanan Negara (DAN), 2011-2020, usaha ditumpukan ke arah menjamin bekalan makanan yang mencukupi, selamat dimakan dan perluasan akses pasaran melalui program peningkatan produktiviti dan pemasaran. Inisiatif jaminan bekalan makanan ditumpukan kepada pengeluaran beras, sayur-sayuran dan buah-buahan, daging dan ikan makanan bagi mencapai sasaran peningkatan pengeluaran menjelang tahun 2020.

Secara keseluruhannya, pengeluaran industri agromakanan yang merangkumi subsektor tanaman, perikanan dan ternakan di bawah DAN mencatat pertumbuhan positif daripada pengeluaran sebanyak 9.35 juta tan metrik pada tahun 2012 kepada 9.83 juta tan metrik pada tahun 2013.

DAN telah menggariskan beberapa strategi dan pelan tindakan bagi memastikan pengeluaran sayur-sayuran dan buah-buahan tempatan memenuhi keperluan

domestik. Ini dihasilkan melalui beberapa program utama seperti pembangunan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), projek pembangunan tanah terbiar, projek kelompok, pembangunan kawasan luar jelapang padi untuk tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan, penanaman secara integrasi dengan tanaman industri, mempergiat pembangunan varieti dan klon buah-buahan dan penambahan kawasan baru bagi tanaman sayur-sayuran seluas 8,300 hektar dan tanaman buah-buahan seluas 23,000 hektar menjelang 2020.

Pengeluaran sayur-sayuran menunjukkan pertumbuhan yang positif apabila meningkat sebanyak 20.2% kepada 974 ribu tan metrik berbanding sasaran 777 ribu tan metrik pada tahun 2012 dan peningkatan 12.8% kepada 978 ribu tan metrik berbanding sasaran 853 ribu tan metrik pada tahun 2013. Ini menyumbangkan kepada peningkatan SSL sayur-sayuran pada tahun 2012 iaitu mencatat 58.6% berbanding sasaran 46%, dan 56.9% berbanding sasaran 48.6% pada tahun 2013.

Sejak DAN dilancarkan pengeluaran buah-buahan disasarkan buah-buahan didapati menunjukkan peningkatan yang baik. Walau bagaimanapun, pengeluaran buah-buahan pada tahun 2012 didapati kurang 18.5% daripada sasaran 1.890 juta tan metrik. Manakala pengeluaran pada tahun 2013, kurang sebanyak 22.4% berbanding sasaran iaitu 1.962 juta tan metrik. Kekurangan pengeluaran ini menyebabkan penurunan dalam Tahap Sara Diri (SSL) buah-buahan pada tahun 2012 dan 2013 ke tahap 57.9% dan 57.2% berbanding sasaran 67.4% pada tahun 2012 dan 68.4% pada tahun 2013. Pengeluaran buah-buahan ini menurun disebabkan beberapa faktor khususnya serangan penyakit dan perosak seperti moko untuk tanaman pisang dan mati rosot untuk tanaman betik.

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN – DAP]**

TARIKH : 18 MAC 2014 (SELASA)

SOALAN (NO. 20)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan jika ada KPI untuk menilai kemajuan pasukan dalam peringkat negeri dan peruntukan bagi setiap pasukan negeri yang bertanding di dalam Liga Malaysia oleh FAM dari tempoh 2000 hingga 2014.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) tidak meletakkan sesuatu KPI untuk pasukan bola sepak negeri atau kelab kerana FAM hanya menguruskan penganjuran Liga Bola Sepak Malaysia serta memberi tumpuan kepada persediaan skuad bola sepak kebangsaan dari peringkat remaja sehinggalah pasukan senior. KPI sesebuah pasukan bola sepak ditentukan oleh pengurusan mahupun penaja kepada pasukan tersebut setiap tahun.
2. Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) juga ada menyediakan peruntukan kewangan kepada pasukan bola sepak negeri dan kelab yang bertanding dalam Liga Bola Sepak Malaysia dari segi geran penyertaan liga, piala presiden dan pembangunan kejurulatihan seperti pecahan berikut:-

BIL	KATEGORI	NEGERI/PDRM/ATM	KELAB
1.	Liga Super	RM 250,000.00	RM 75,000.00
2.	Liga Perdana	RM 150,000.00	RM 50,000.00
3.	Piala Presiden	RM 50,000.00	Tiada bantuan
4.	Pembangunan Kejurulatihan	RM 45,000.00	Tiada bantuan
5.	Bantuan kos perjalanan kepada Sabah dan Sarawak	RM 120,000.00 x 2 negeri = RM 240,000.00	Tiada bantuan

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN
NAINA MERICAN [KEPALA BATAS]**

TARIKH : 18 MAC 2014 (SELASA)

SOALAN :

YB Dato' Seri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah benar Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) bercadang menggabungkan cabang perniagaan Gas (*Gas Business*) di bawah satu jabatan, iaitu Eksplorasi dan Produksi (*Exploration & Production*) dan apakah rasional tindakan ini.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Selain daripada Presiden/CEO, pengurusan PETRONAS dibantu oleh *Executive Committee*. *Executive Committee* ini terdiri daripada 4 *Executive Vice Presidents* (EVP) yang bertanggungjawab menerajui bahagian and *portfolio* seperti berikut:-

1. Datuk Wan Zulkiflee Wan Ariffin
Chief Operating Officer dan *EVP Downstream Business*
2. Datuk Anuar Ahmad
EVP Gas & Power Business
3. Dato' Wee Yiew Hin
EVP Exploration & Production Business
4. Datuk Manharlal Ratilal
EVP Finance

Seperti mana-mana syarikat yang lain, penyusunan semula organisasi merupakan sesuatu aktiviti lazim dilaksanakan sejajar dengan kajian organisasi yang berterusan bagi meningkatkan prestasi syarikat dan kakitangan. Ianya merupakan salah satu usaha mana-mana organisasi untuk kekal berdaya saing dalam suasana perniagaan yang mencabar.

Sekian, terima kasih.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN**
[AMPANG]
TARIKH : **18 MAC 2014 (SELASA)**
SOALAN : **Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sejauh mana keberkesanan pasar tani yang diadakan seluruh negara bagi meningkatkan ekonomi petani dan nelayan sedangkan ramai antara peniaga pasar tani itu sendiri membeli barang di pasar borong.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Dengan pewujudan pasar tani ini di seluruh negara, pengguna boleh mendapatkan bekalan keperluan harian terutamanya bagi komoditi hasil produk agromakanan dengan mudah pada harga yang berpatutan dan juga pengeluar mendapat pulangan yang munasabah. Usaha FAMA dan LKIM ini telah meningkatkan ekonomi petani dan nelayan dari segi:

i. Peningkatan akses pasaran

Pertambahan rangkaian Pasar Tani di seluruh negara telah dapat meningkatkan akses pasaran hasil produk agromakanan, peningkatan nilai jualan serta bilangan usahawan pemasar. Pengukuran untuk kriteria ini dapat diperjelas dengan peningkatan lokasi atau tapak baru Pasar Tani. Bilangan Pasar Tani baru telah meningkat secara puratanya sebanyak 11% dari tahun 2006 hingga 2013 iaitu dari 250 buah kepada 517 buah. Melalui pembukaan Pasar Tani baru, ia memberi peluang kepada petani dan nelayan untuk meningkatkan pendapatan

serta meluaskan kawasan pemasaran di samping memberi perkhidmatan kepada pengguna.

ii. Peningkatan Nilai Jualan

Pasar Tani telah memberi impak kepada petani dan nelayan secara langsung berdasarkan kepada peningkatan nilai jualan. Secara tidak langsung ianya menyumbang kepada peningkatan ekonomi Negara khususnya barangan yang berasaskan pertanian. Nilai jualan di Pasar Tani telah meningkat dari RM250 juta tahun 2006 kepada RM668 juta tahun 2013. Secara purata nilai jualan meningkat sebanyak 16% setahun.

iii. Peningkatan Bilangan Usahawan Pemasar

Impak daripada pewujudan Pasar Tani ini juga telah melahirkan ramai usahawan yang kebanyakannya terdiri dari pengeluar atau petani dan nelayan kecil yang berasal dari luar bandar. Pasar Tani telah berjaya mewujudkan peluang pekerjaan dan sehingga 2013 bilangan peserta Pasar Tani adalah seramai 23,554 orang.

iv. Penyertaan PNK, PPN dan NEKMAT di Pasar Tani

Selain itu, Persatuan Nelayan Kawasan (PNK), Persatuan Nelayan Negeri (PNN) dan Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) juga telah menyertai jualan ikan segar di 276 buah pasar tani di seluruh negara. Untuk makluman, tidak dinafikan bahawa terdapat sesetengah usahawan mendapatkan bekalan dari Pasar Borong bagi komoditi terpilih seperti cili padi, bawang, lobak merah, kentang, brokoli dan lain-lain yang tidak dikeluarkan di dalam negara atau diusahakan dalam skala yang kecil. FAMA dengan kerjasama Jabatan/ Agensi di bawah MOA telah dan sedang mengambil langkah proaktif bagi memperkukuhkan bekalan terus dari ladang ke Pasar Tani melalui pelaksanaan Program Pengukuhan Bekalan Ladang Kontrak Terus Ke Pasar Tani (KUKUH) dan Ladang Kontrak. Usaha NEKMAT dan Persatuan Nelayan membeli terus hasil tangkapan nelayan dan dipasarkan ke Pasar Tani kendalian FAMA turut dapat meningkatkan ekonomi nelayan di mana harga yang ditawarkan oleh NEKMAT dan Persatuan Nelayan adalah pada nilai yang munasabah dan berpatutan.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB. Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [JERANTUT]

TARIKH : 18.03.2014 (SELASA)

NO. SOALAN : 23

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk mengadakan skim pendapatan minima bagi peserta FELCRA di seluruh negara dan berapakah pendapatan purata seorang peserta FELCRA yang terkini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

FELCRA Berhad tidak berhasrat untuk melaksanakan skim pendapatan minima kepada peserta kerana :

- a. kadar harga komoditi dan produktiviti yang tidak konsisten;
- b. keluasan pegangan tanah bagi setiap peserta adalah berbeza; dan
- c. peserta adalah digalakkan untuk bekerja di ladang dan memperolehi pendapatan tambahan melalui upah kerja setiap bulan.

Amalan pembayaran dividen kepada peserta adalah sebanyak tiga (3) kali setahun. Namun begitu, bagi projek-projek setiap peserta yang mempunyai luas pegangan 6 ekar (2.428 hektar) dan ke atas mereka akan dibayar pendapatan bulanan tetapi jumlah bayaran adalah tidak sama setiap bulan, ianya mengikut keuntungan sebenar projek pada bulan berkenaan.

MAKLUMAT TAMBAHAN:

Sehingga 31 Disember 2013, FELCRA Berhad telah membangunkan Projek-projek P&P (Penyatuan & Pemulihan) di seluas 233,208 hektar tanah yang melibatkan seramai 102,554 orang peserta. Berdasarkan kepada keluasan tersebut, seluas 104,616 (45%) hektar telah mengeluarkan hasil dan dividen telah diedarkan kepada seramai 73,423 (72%) orang peserta. Selebihnya adalah merupakan projek baharu dan tanam semula yang masih belum mengeluarkan hasil.

Sebelum FELCRA dikorporatkan (1991-1996), Pengurusan FELCRA Berhad telah mengagihkan dividen berjumlah RM422 juta kepada seramai 54,988 orang peserta. Setelah dikorporatkan (1997-2013) jumlah dividen yang telah dibayar kepada peserta telah meningkat kepada RM5.53 billion dan dibayar kepada seramai 73,423 orang peserta.

Selain itu, pengiraan purata dividen seorang peserta FELCRA tidak boleh dipuratakan kerana :

- a) perbezaan tanaman bagi sesuatu kawasan;

- b) perbezaan keluasan tanaman bagi sesuatu kawasan;
- c) perbezaan keluasan hak pegangan setiap peserta; dan perbezaan keuntungan projek setelah ditolak kos-kos operasi dan potongan wajib (seperti kos pembangunan/Tabung Tanam Semula/Skim Khairat Kematian dan lain-lain).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 18 MAC 2014 (SELASA)
DARIPADA : Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG
[KLUANG]

SOALAN :-

Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG [KLUANG] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan perbandingan antara Kemudahan Mendapatkan Semula Bahan Kitar Semula (MRF) dengan RDF, Rawatan Thermal, serta Anaerobic Digester dan Rawatan Mekanikal Biologi dari segi kos, pembangunan lestari dan pencemaran.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kesemua jenis teknologi atau kaedah yang dinyatakan tersebut mempunyai fungsi mereka yang tersendiri dalam pengurusan sisa pepejal dan saling lengkap melengkapi antara satu sama lain bagi memastikan sisa pepejal dirawat dan dilupuskan secara bersepadu.

Rawatan secara mekanikal dan biological (MBT) adalah proses rawatan sisa residual (sisa baki) yang merangkumi kaedah-kaedah dan teknologi MRF, RDF dan Anaerobic Digester. Ia bertujuan untuk mengasingkan bahan yang boleh dikitar semula dan menghasilkan produk yang berekonomik seperti RDF (*refuse derived fuel*), biogas dan kompos. Anaerobik Digester umpamanya akan merawat sisa organik dan menghasilkan kompos dan biogas manakala MRF akan menghasilkan bahan-bahan yang boleh dikitar semula. Manakala rawatan termal pula adalah satu terma generik yang terpakai untuk teknologi yang

menggunakan suhu yang tinggi bagi merawat sisa pepejal seperti insinerator, pyrolysis dan gassifikasi. Disamping membakar sisa pepejal, teknologi ini juga akan menghasilkan sumber tenaga seperti elektrik sebagai produk sampingan.

Berhubung dengan kos pula, ia bergantung kepada kualiti dan kuantiti sisa pepejal yang akan dirawat. Tambahan pula jenis sisa pepejal yang diproses adalah berbeza diantara satu teknologi dengan yang lain. Oleh kerana itu, ia yang memerlukan kos pembangunan yang berbeza. Contohnya, MBT hanya menggunakan kaedah pengasingan secara mekanikal dan biological seperti anaerobik digester yang hanya merawat sisa organik melalui proses *decomposition* atau pereputan manakala loji rawatan termal akan membakar semua jenis sisa pepejal yang bercampur-campur.

Loji rawatan termal pula mempunyai tiga kaedah yang berbeza seperti berikut:-

- (i) insinerator menggunakan teknik pembakaran dengan udara yang berlebihan;
- (ii) *pyrolysis* adalah pembakaran tanpa udara; dan
- (iii) gasifikasi pula merujuk kepada pembakaran dengan udara yang terhad. Secara umumnya loji rawatan termal adalah lebih tinggi kosnya daripada MRF ataupun anaerobik digester.

Pada kesimpulannya, semua pendekatan yang menggunakan kaedah ini mempunyai kekuatan dan kelemahan masing-masing. Jika tujuan adalah untuk menghasilkan kompos, loji rawatan termal tidak sesuai digunakan. Tetapi jika tujuan adalah untuk menghasilkan tenaga elektrik dan merawat sisa pepejal dengan keberkesanan yang tinggi (*high efficiency*) maka loji rawatan termal adalah sesuai. Manakala jika tujuan adalah untuk menghasilkan bahan kitar semula, maka teknologi MRF boleh digunakan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN
[PADANG BESAR]**

TARIKH : 18 MAC 2014

RUJUKAN : 6508

SOALAN:

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan:-**

- (a) apakah tindakan Kementerian bagi mengurangkan gejala jenayah di kalangan para pelajar di sekolah menengah yang kini berleluasa dan membimbangkan para ibu bapa serta membebankan para guru; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian ke arah keperluan baik-pulih dan pembaikan paip air, tandas dan kebocoran serta lif-lif kuarters-kuarters atau perumahan para anggota polis di seluruh negara supaya kebajikan keluarga mereka lebih baik lagi.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), kegiatan gangsterisme dalam negara ketika ini hangat diperkatakan oleh pelbagai pihak dan lapisan masyarakat, ianya juga menjadi topik hangat yang dibincangkan dalam forum, seminar dan juga dalam perbahasan di Parlimen. Kegiatan jenayah yang mirip kepada budaya gangsterisme seperti buli, peras ugut dikatakan banyak dikesan di sekolah-sekolah di negara ini. Pihak polis dengan kerjasama Kementerian Pendidikan sentiasa berhubung rapat untuk menangani masalah tersebut. Antara langkah yang telah diambil seperti berikut:-

- 1) Melantik pegawai perhubungan sekolah (PPS) di semua sekolah rendah dan menengah di seluruh negara.**
- 2) Mewajibkan pelajar-pelajar sekolah menyertai aktiviti ko-kurikulum seperti pasukan kadet polis, bomba, askar dan sebagainya supaya mereka tidak terdedah dengan gejala yang tidak sihat.**
- 3) Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), yang digabungkan dalam majlis permuafakatan nasional diminta untuk lebih agresif membantu pihak sekolah.**

Statistik tangkapan pelajar dalam kegiatan jenayah indeks bagi tahun 2013 seperti berikut:-

PENGLIBATAN DAN TANGKAPAN PELAJAR SEKOLAH DALAM JENAYAH INDEKS TAHUN 2013

KESALAHAN	JUMLAH KES PELAJAR	TANGKAPAN PELAJAR SEKOLAH												JUMLAH
		UMUR												
		7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	
<u>JENAYAH KEKERASAN :</u>														
BUNUH	12	-	-	-	-	-	-	1	-	4	5	6	1	17
ROGOL	218	-	1	-	-	-	1	5	23	57	91	34	16	228
SAMUN BERKAWAN BERS/API	13	-	-	-	-	-	-	-	1	4	4	4	4	17
SAMUN BERKAWAN TANPA BERS/API	73	-	-	-	-	-	-	1	9	13	33	20	9	85
SAMUN BERSENJATAPI	1	-	-	-	-	-	-	-	1	-	-	-	-	1
SAMUN TANPA S/API	10	-	-	-	-	-	-	1	1	5	4	3	2	16
MENCEDERAKAN	215	-	-	-	-	-	2	8	27	69	110	64	26	306
JUMLAH	542	-	1	-	-	-	3	16	62	152	247	131	58	670
<u>JENAYAH HARTABENDA :</u>														
CURI	164	-	-	-	-	-	3	18	50	38	36	28	14	187
CURI MOTOKAR	15	-	-	-	-	-	1	-	1	2	7	2	20	33
CURI MOTOSIKAL	699	-	-	-	-	1	8	46	128	178	216	113	32	722
CURI VAN/LORI/J'BERAT	1	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1	1
CURI RAGUT	14	-	-	-	-	-	-	-	1	5	4	9	1	20
PRC	197	-	-	1	2	1	6	30	43	49	61	23	6	222
JUMLAH	1,090	-	-	1	2	2	18	94	223	272	324	175	74	1,185
JUMLAH JENAYAH INDEKS	1,632	-	1	1	2	2	21	110	285	424	571	306	132	1,855
JUMLAH JENAYAH JALANAN	97	-	-	-	-	-	-	2	11	23	41	32	12	121

Bagi menjawab soalan (b), PDRM telah diperuntukan RM13 juta di bawah dasar One-Off bagi membaiki kuarters pada tahun 2014 untuk memastikan keadaan premis/bangunan PDRM berada dalam keadaan yang kondusif. Selain itu, PDRM telah diperuntukkan RM50 juta di bawah dasar baru bagi mewujudkan Kontrak Penyelenggaraan berkala bagi lif, cuci bangunan, hawa dingin, kumbahan, kawalan makhluk perosak.

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF
[RANTAU PANJANG]

TARIKH : 18 MAC 2014

SOALAN:

Y.B. Puan Siti Zailah Binti Mohd Yusoff minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang pemalsuan sijil halal yang semakin berleluasa dalam negara. Apakah hasil pemantauan pihak JAKIM dan apakah tindakan yang telah diambil setakat ini.

JAWAPAN: (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemantauan yang dilakukan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) adalah **secara berkala ke atas pemegang Sijil Pengesahan Halal Malaysia sahaja** dan dilakukan

sekurang-kurangnya dua kali dalam tempoh sah laku sijil halal tersebut atau sekurang-kurangnya sekali setahun.

Disamping itu, JAKIM juga turut melakukan penguatkuasaan bersama agensi-agensi lain yang berkaitan sekiranya **terdapat aduan yang memerlukan tindakan bersepadu diambil**. Agensi yang terlibat dalam penguatkuasaan bersepadu ini ialah Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Kepunggunaan dan Koperasi (KPDNKK), pihak berkuasa tempatan (PBT), Kementerian Kesihatan dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan lain-lain.

Sehingga kini, hasil pemeriksaan dan penguatkuasaan yang telah dijalankan oleh JAKIM, mendapati **bahawa tiada pemalsuan Sijil Pengesahan Halal Malaysia.** . Sebaliknya, kesalahan yang dikesan kerap berlaku adalah **penyalahgunaan sijil dan logo halal**. Antara kesalahan itu adalah seperti berikut :

- i. penggunaan sijil/ logo halal swasta;
- ii. sijil/ logo halal luar negara yang tidak diiktiraf oleh Jakim;
- iii. lgo halal yang dicipta sendiri/ menggunakan perkataan 'HALAL' dalam tulisan jawi ataupun rumi (*generic*);
- iv. penggunaan ungkapan perihal halal seperti '*ditanggung halal*', '*makanan orang Islam*', '*produk muslim*' dan sebagainya; dan
- v. logo halal lama yang telah dibatalkan iaitu logo halal BAHEIS/ JAIN/ JAKIM.

Dari segi tindakan, bagi kesalahan yang berkaitan dengan ungkapan dan takrif halal, tindakan undang-undang boleh diambil di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 di bawah Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011. Manakala bagi kesalahan yang berkaitan dengan Perakuan dan Penandaan Halal, tindakan undang-undang boleh diambil di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 di bawah Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK AARON AGO ANAK DAGANG
[KANOWIT]
TARIKH : 18.03.2014 (SELASA)

DATUK AARON AGO ANAK DAGANG [KANOWIT] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan peruntukan tahunan untuk subsidi pengangkutan semenjak program pelarasan harga barang keperluan (seperti petrol, beras, gula, minyak masak, gas dan lain-lain) dilaksanakan bagi negeri Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan telah membelanjakan sejumlah RM767 juta untuk pelaksanaan Program Penyeragaman Harga bagi Program Pengedaran & Penyeragaman Harga Barang Perlu, *Community Drumming* dan juga Gas Petroleum Cecair (LPG) di Sabah dan Sarawak sejak tahun 2009 sehingga 2013. Program ini juga akan diteruskan bagi tahun 2014 dengan peruntukan sebanyak RM 88 juta bagi Sabah dan RM 77 juta bagi Sarawak.

Di samping itu, Kementerian juga melaksanakan Program Mobile KR1M yang bertujuan menyeragamkan harga barangan KR1M, FAMA, dan COOP1M yang bermula pada Julai 2013 di Sabah, Sarawak dan Labuan. Peruntukan untuk tahun 2014 ialah sebanyak RM 60 juta.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
(LEMBAH PANTAI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 18.03.2014

Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [LEMBAH PANTAI] minta

MENTERI KEWANGAN menyatakan:-

- (a) kegagalan untuk mengawal nilai Ringgit Malaysia yang mengalami kejatuhan paling rendah dalam 24 tahun di mana nilainya susut RM2.6300 berbanding dolar Singapura; dan
- (b) tindakan Kerajaan mengawal kemerosotan nilai mata wang tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Bank Negara Malaysia (BNM) tidak menyasar sebarang tahap bagi kadar pertukaran ringgit berbanding dengan mana-mana mata wang tunggal, termasuklah dolar Singapura. Semenjak 21 Julai 2005, ringgit beroperasi di bawah sistem kadar pertukaran apungan terurus (*managed float*) berbanding dengan sekumpulan mata wang rakan perdagangan utama negara. Ini lebih mencerminkan sifat hubungan dagangan negara yang pelbagai.

2. Walaupun nilai ringgit menyusut sebanyak 12.8% berbanding dolar Singapura, ringgit telah meningkat sebanyak 15.9% berbanding dengan dolar AS dan meningkat secara purata sebanyak 9.2% berbanding dengan mata wang sepuluh rakan dagangan[1] utama negara pada tempoh yang sama. Kedudukan ringgit ditentukan oleh kuasa pasaran. Dalam jangka masa pendek, pergerakan ringgit ditentukan oleh sentimen pasaran terhadap perkembangan global dan domestik. Memandangkan sentimen pasaran mudah berubah, kadar pertukaran akan naik atau turun pada jangka masa pendek. Manakala, untuk jangka masa panjang, trend asas pergerakan ringgit mencerminkan asas-asas ekonomi negara.

3. Seperti yang telah dinyatakan, Bank Negara Malaysia (BNM) tidak mempunyai sebarang sasaran tahap bagi kadar pertukaran ringgit. Walau bagaimanapun, memandangkan pergerakan kadar pertukaran jangka pendek yang tidak menentu, BNM akan terus memastikan bahawa keadaan di pasaran pertukaran asing kekal teratur. Pasaran pertukaran asing ringgit yang lebih mendalam dan liberalisasi akaun kewangan telah membolehkan pemadanan permintaan dan penawaran ringgit yang lebih baik. Ia juga telah menyediakan ruang untuk perlindungan nilai (*hedging*) terhadap risiko kadar pertukaran.

[1]Singapura, Republik Rakyat China, Amerika Syarikat, Jepun, Thailand, Hong Kong SAR, Republik Korea, China Taipei, Jerman dan India dari Julai 2005 hingga November 2013. *Sumber: World Trade Atlas*

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
[SIBUTI]**

TARIKH : 18 MAC 2014

SOALAN :

YB TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG [SIBUTI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah perumahan PR1MA yang akan dibina di bandaraya utama Sarawak seperti Bandaraya Miri bermula 2014 sehingga 2018 seperti yang dijanjikan dalam Aku Janji PRU-13 yang lepas. Adakah pihak Kementerian telah mengenal pasti lokasi-lokasi yang sesuai untuk dibangunkan sebagai perumahan PR1MA.

JAWAPAN : YB DATO'SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

PR1MA sedang mengadakan beberapa siri mesyuarat dengan Kerajaan Negeri melalui Kementerian yang berkaitan dan pihak swasta untuk membangunkan perumahan PR1MA di Sarawak. Selain daripada itu PR1MA juga turut bekerjasama dengan Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Sarawak (SHEDA) untuk mengenalpasti projek-projek yang boleh dilaksanakan secara kerjasama dengan PR1MA. Kawasan bandar besar seperti Kuching, Sibul, Bintulu dan Miri sememangnya berada dalam perancangan PR1MA di Sarawak. Mesyuarat Anggota Perbadanan PR1MA telah meluluskan sebanyak 8,547 unit rumah di mana 3,437 unit akan dibina di Kuching dan sebanyak 5,110 dicadangkan untuk Bintulu. Harga tawaran adalah dijangka berada dalam lingkungan RM100,000 - RM400,000 tertakluk kepada jenis dan saiz rumah.

Walau bagaimanapun, PR1MA sedang mengkaji dan menganalisa beberapa kawasan lain di Miri bagi memastikan pembangunan adalah *feasible*.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJI MAHFUZ
BIN OMAR
(POKOK SENJA)**

**TARIKH : 18.03.2014
(SELASA)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan jumlah pegawai dan anggota tentera yang telah didakwa dan dijatuhkan hukuman di mahkamah tentera sejak tahun 1980 hingga Februari 2014. Nyatakan jenis-jenis kesalahan dan jumlahnya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Mengikut rekod kementerian secara purata bilangan pegawai dan anggota yang telah didakwa dan dijatuhkan hukuman oleh Mahkamah Tentera sejak tahun 1980 sehingga 2014 adalah seramai 107 orang setahun.

Jenis-jenis kesalahan yang didakwa dan dijatuhkan hukuman oleh Mahkamah Tentera adalah seperti Tidak Hadir Tanpa Cuti (THTC), Tinggal Tugas, kes-kes melibatkan dadah, dahagi (penentangan terhadap pemerintah) serta kesalahan-kesalahan tatatertib yang memudaratkan perkhidmatan ATM.

SOALAN NO. : 31

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WILSON UGAK KUMBONG
[HULU RAJANG]

TARIKH : 18 MAC 2014

SOALAN :

Tuan Wilson Ugak Kumbong [Hulu Rajang] minta **SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh pihak Kementerian bagi **memantau kualiti air di kawasan Kapit dan Sungai Asap yang sering keruh dan pengaliran yang sentiasa terganggu** dan tidak menentu.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pemantauan kualiti air di Negeri Sarawak adalah di bawah bidang kuasa Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak (NREB) iaitu sebuah agensi di bawah Kerajaan Negeri Sarawak.

Jabatan Alam Sekitar (JAS) turut menjalankan Program Pengawasan Kualiti Air Sungai secara berkala dan berjadual di kawasan Kapit iaitu Sungai Rajang sebanyak 5 kali setahun bagi mengesan dan memantau sebarang perubahan kepada kualiti air di kawasan berkenaan. JAS tidak mempunyai stesen pengawasan di Sungai Asap. Berdasarkan pemantauan kualiti air yang dilakukan pada tahun 2013, didapati kualiti air Sungai Rajang di kawasan Kapit berada pada Kelas II iaitu kategori Bersih.

JAS Sarawak sudah melaksanakan dan menyiapkan Projek Rancangan Tebatan Banjir Kapit yang telah disiapkan pada Disember 2013. Projek ini bertujuan untuk menaik taraf sistem saliran, melindungi tepian sungai daripada hakisan dan menstabilkan serta mencantikkan tepian sungai.

Sekian, terima kasih

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TEO KOK SEONG [RASAH - DAP]

TARIKH : 18 MAC 2014 (SELASA)

SOALAN (NO. 32)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan secara terperinci perkembangan terkini projek Parlimen Belia serta kos keseluruhan yang terlibat.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Parlimen Belia Malaysia (PBM) dalam proses pengauditan dan gerak kerja penyusunan semula Sistem Pemilihan Ahli Parlimen Belia Malaysia (e-PBM). Ia meliputi proses penambahbaikan sistem sebagai persediaan pencalonan dan pemilihan Ahli supaya kaedah pemilihan telus dan terjamin.
2. Kos keseluruhan program yang terlibat dari tahun 2013-2014 adalah sebanyak RM2.8 juta meliputi pecahan seperti berikut:-
 - i. Pembangunan Sistem Pemilihan Ahli Parlimen Belia Malaysia (e-PBM);
 - ii. Promosi PBM;
 - iii. Pengauditan e-PBM;
 - iv. Pelaksanaan PBM;
 - v. Program Komuniti Ahli PBM; dan
 - vi. Kursus Pemantapan Ahli PBM.

Sekian, terima kasih.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' MANSOR BIN OTHMAN [NIBONG TEBAL]
TARIKH : 18 MAC 2014
SOALAN : Dato' Mansor bin Othman minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bilakah Malaysia mampu menghasilkan padi yang cukup supaya dapat memenuhi permintaan domestik dan apakah insentif-insentif yang boleh diberikan kepada para petani bagi menjayakan usaha tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pada masa ini, pengeluaran padi negara masih belum mencukupi untuk menampung keperluan domestik dan ditampung dengan pengimportan beras daripada negara luar. Di bawah Dasar Agromakanan Negara (DAN) 2011 - 2020, Kerajaan telah menetapkan Tahap Sara Diri (SSL) beras negara dikekalkan pada kadar 70%. Namun begitu, kadar ini akan dikaji dari semasa ke semasa dengan mengambil kira jaminan bekalan dalam negara, senario pasaran beras global dan kos relatif pengimportan. Pada tahun 2012, SSL beras negara adalah sebanyak 73.5% di mana penggunaan beras sebanyak 2.33 juta tan metrik oleh penduduk seramai 29.5 juta orang berdasarkan penggunaan per kapita sebanyak 79.1 kilogram seorang setahun. Untuk itu, negara telah mengimport beras sebanyak 983,026 tan metrik pada tahun 2012 bagi memastikan bekalan beras dalam negara mencukupi.

Kerajaan juga memfokuskan kepada pengeluaran padi dengan meningkatkan Amalan Pertanian Baik (GAP) yang boleh menyumbang kepada peningkatan produktiviti yang mana secara tidak langsung akan meningkatkan SSL beras

negara. Kerajaan telah memberikan pelbagai jenis subsidi dan insentif dalam industri padi dan beras supaya hasil pengeluaran padi dapat ditingkatkan dan membantu pesawah mengurangkan kos pengeluaran padi serta meningkatkan pendapatan mereka. Pemberian subsidi dan insentif tersebut termasuk pembekalan input-input pertanian seperti benih, baja, racun, kapur dan pembajakan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK [SEREMBAN]

TARIKH : 18 MAC 2014

SOALAN :

Tuan Loke Siew Fook [Seremban] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai terperinci semua majlis keraian rasmi yang diadakan di kediaman rasmi Perdana Menteri, Seri Perdana untuk tahun 2012 dan 2013 serta kos untuk setiap majlis tersebut.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kompleks Seri Perdana merupakan lokasi bagi penganjuran majlis-majlis rasmi Kerajaan, majlis Hari Raya Aidilfitri Jemaah Menteri, mesyuarat-mesyuarat dan majlis meraikan tetamu serta pembesar negara mahu pun pemimpin tertinggi luar negara oleh YAB Perdana Menteri dan YAB Timbalan Perdana Menteri.

Untuk makluman, perbelanjaan bagi majlis rasmi yang diadakan di Kompleks Seri Perdana untuk tahun 2012 dan 2013 adalah seperti berikut:

BIL	TAHUN	TUJUAN	JUMLAH (RM)
1.	2012	Perbelanjaan bagi meraikan tetamu	2,438,361.45
2.	2013	Perbelanjaan bagi meraikan tetamu	3,024,780.90

Sekian. Terima kasih.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN
[INDERA MAHKOTA]

TARIKH : 18 MAC 2014

SOALAN :

Dato' Fauzi Bin Abdul Rahman [Indera Mahkota] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa penduduk di Kg Selamat Pelabuhan dan kampung-kampung dan persekitaranya Pelabuhan Kuantan sedang mengalami penderitaan habuk bijih besi dan kini ada penyakit-penyakit kronik paru-paru yang dialami oleh masyarakat setempat. Apakah langkah Kementerian bagi memastikan "Ferro dust pollution" ini terkawal, di samping perusahaan eksport bijih besi boleh terus berjalan. Bersediakah Kementerian mengadakan perundingan dengan masyarakat setempat, Lembaga Pelabuhan Kuantan beserta Ahli Parlimen dan ADUN yang berkenaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Bagi tempoh 2011 sehingga 2014, Jabatan Alam Sekitar telah menerima 4 aduan berkaitan operasi *stockpile* bijih besi di sekitar kawasan industri Gebeng dan Pelabuhan Kuantan, Pahang. Semua aduan telah disiasat dan hasil siasatan Jabatan ini mendapati aduan yang diterima adalah tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya. Semua aduan tersebut telah dipanjangkan kepada agensi-agensi lain yang berkaitan iaitu Majlis Perbandaran Kuantan (MPK), Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Jabatan Mineral dan Geosains Pahang dan Pejabat Tanah dan Galian Negeri Pahang.

Beberapa siri mesyuarat berkaitan isu pembangunan bijih besi telah diadakan bagi tempoh 2011 sehingga 2014, yang melibatkan Kerajaan Negeri, agensi kerajaan dan pihak swasta termasuklah Persatuan Pengusaha Bijih Besi Negeri Pahang dan Gebeng Industrial Support Group (GISG).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN V. SIVAKUMAR [BATU GAJAH]

TARIKH : 18 MAC 2014

RUJUKAN : 6511

SOALAN:

TUAN V. SIVAKUMAR [BATU GAJAH] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah bilangan kad pengenalan biru bagi permohonan baru untuk taraf kewarganegaraan yang diluluskan dari tahun 2008 hingga 2013 mengikut peratusan pecahan kaum yang terdapat di negara ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Mengikut rekod Kementerian Dalam Negeri (KDN), jumlah Kad Pengenalan Biru bertaraf Warganegara Malaysia (MyKad) yang telah dikeluarkan kepada warga asing yang telah dianugerahkan taraf kewarganegaraan Malaysia dari tahun 2008 sehingga 2013 adalah sebanyak 40,144 keping. Pecahan jumlah tersebut mengikut tiga (3) kaum tertinggi adalah seperti berikut:

BIL.	KAUM	JUMLAH (KEPING)
1.	Indonesia	16,594
2.	India	9,344
3.	Cina	6,213

*Sumber : Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia
Tarikh Kemas Kini : 10.03.2014*

NO. SOALAN: 37

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN MASIR KUJAT [SRI AMAN]

TARIKH : 18 MAC 2014

RUJUKAN : 6506

SOALAN:

Tuan Masir Kujat [Sri Aman] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah status perancangan untuk membina CIQ di kawasan Parlimen Sri Aman terutama sekali di kampung Batu Lintang dan Pekan Lachau Sri Aman.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, pada masa ini Jabatan Imigresen Malaysia tidak bercadang untuk menaiktaraf Pos Kawalan Sempadan yang sedia ada di Batu Lintang dan membina Pos Kawalan Sempadan yang baru di Pekan Lachau kerana Pos Kawalan sedia ada masih memadai untuk memberi perkhidmatan pemeriksaan Imigresen kepada pengguna tempatan.

Namun begitu, di dalam Rancangan Malaysia ke-10 (RMK-10) Jabatan Imigresen Malaysia telah menaiktaraf Pos Kawalan Sempadan Lubok Antu kepada CIQ Lubok Antu dan Pos Kawalan Sempadan Biawak kepada CIQ Biawak dengan kapasiti yang lebih besar. Kedua-dua CIQ yang dinaiktaraf ini telah beroperasi sepenuhnya.

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DATO' SERI TIONG KING SING
KAWASAN : BINTULU
TARIKH : 18 MAC 2014, SELASA

SOALAN:

YB. DATO' SERI TIONG KING SING (BINTULU) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan:-

- (a) adakah Kementerian membuat kajian yang menyeluruh terhadap mutu piawaian terhadap jalan persekutuan negeri Sarawak (Pan Borneo), terutamanya Jalan Bintulu-Miri dan Jalan Bintulu-Sibu; dan
- (b) apakah spesifikasi piawaian yang diguna pakai oleh pihak Kementerian dalam melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembinaan jalan ini adakah pihak Kementerian menjalankan kerja-kerja pemantauan secara menyeluruh semasa kerja-kerja penyelenggaraan dan pembinaan dijalankan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian komprehensif terhadap Jalan Pan Borneo telah dibuat pada tahun 2010 menerusi Pelan Induk Pembangunan Rangkaian Jalan Raya, Sabah dan Sarawak (HNDP Fasa 2). Kajian tersebut antara lain telah mencadangkan keseluruhan Jalan Pan Borneo sepanjang 2,239km ini dinaikkan taraf kepada laluan *dual-carriageway* secara berperingkat sehingga tahun 2025.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua kerja-kerja pembinaan dan penyelenggaraan jalan di negara ini sama ada di Semenanjung mahupun di Sabah dan Sarawak perlu mematuhi garis panduan, khususnya melibatkan Arahan-Arahan Teknik (Jalan) yang dikeluarkan oleh Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR). Di samping itu, reka bentuk pembinaan dan penyelenggaraan jalan di negara ini telah digubal dan disesuaikan dari piawaian dan spesifikasi antarabangsa, seperti *British Standard* (BS) dan *American Association of State Highway and Transportation Officials* (AASHTO). Sehubungan itu, setiap agensi Kerajaan yang terlibat dengan reka bentuk dan pembinaan serta penyelenggaraan jalan perlu mematuhi peraturan dan garis panduan yang telah ditetapkan itu, khususnya melibatkan aspek keselamatan dan kejuruteraan jalan.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI
[SIPITANG]**

**TARIKH JAWAPAN : 18 MAC 2014 (SELASA)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan perancangan untuk memperbanyakkan lagi stesen penjana tenaga bebas (IPP) sebagai perancangan jangka panjang menangani kekerapan gangguan bekalan elektrik di Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Seperti di Semenanjung, perancangan pembekalan elektrik di Sabah merangkumi ketiga-tiga komponen iaitu penjanaan, penghantaran dan pengagihan. Perancangan pembekalan elektrik melalui Jawatankuasa Perancangan Pembekalan Elektrik dan Tarif (JPPPET) yang dipengerusikan oleh Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air ini dilakukan secara rutin sekurang-kurangnya 2 kali setahun. Semua *stakeholder* iaitu Unit Perancang Ekonomi (EPU), Kementerian Kewangan (MoF), Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Sabah, Kementerian Pembangunan Industri (KPI) Sabah, Suruhanjaya Tenaga (ST), Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) dilibatkan dalam perancangan pembekalan elektrik ini. Aspek-aspek utama yang dititikberatkan dalam setiap proses perancangan antara lain seperti keselamatan dan kelestarian pembekalan, kepelbagaian dan keseimbangan penggunaan sumber tenaga (*fuel diversification*), kos penjanaan (*cost of generation*) yang ekonomik serta

keseimbangan antara kapasiti *baseload* dan kapasiti *peaking load* (dengan izin).

2. Sejarah pelaksanaan projek penjana bebas ataupun *Independent Power Plants* (IPP) di Sabah bermula sekitar tahun 1996 di mana IPP pertama di Sabah iaitu ARL Power berkapasiti 47.5MW telah dimulatugas di Sepanggar. Susulan itu, enam (6) IPP telah dimulatugas bagi tempoh 1996 sehingga 2011 dengan kapasiti keseluruhan sebanyak 637MW. Sebanyak dua (2) lagi IPP dijangka akan dimula tugas pada tahun 2014 dengan kapasiti sebanyak 385MW. Penguasaan IPP terhadap pecahan kapasiti penjanaan di Sabah setakat ini berada pada 68% dan dijangkakan akan meningkat melebihi 80% menjelang tahun 2019.

3. Bagi memastikan penambahan kapasiti penjanaan di masa hadapan lebih kompetatif dari segi keboleharapan, teknikal dan kos, konsep '*open competitive bidding*' yang akan dikawalselia oleh Suruhanjaya Tenaga dicadangkan untuk digunapakai di Sabah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH
FADZIR [KULIM BANDAR BAHARU]**

**TARIKH JAWAPAN : 18 MAC 2014 (SELASA)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan penubuhan Majlis Teknologi Hijau Negara (MTH) adalah bertujuan menggubal dasar dan mengenal pasti isu strategik dalam pembangunan dasar teknologi hijau negara dan perubahan iklim. Mohon pihak kementerian memberikan data dan statistik berkaitan keberkesanan penubuhan MTH ini dalam mendokong teknologi hijau negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Majlis Teknologi Hijau (MTH) atau yang kini dikenali dengan nama Majlis Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim (MTHPI) telah diluluskan penubuhannya oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 23 Jun 2010.

Fungsi-fungsi MTHPI adalah seperti berikut:

- i) menetapkan dasar dan hala tuju pembangunan teknologi hijau negara dan perubahan iklim;
- ii) mengenal pasti isu-isu strategik untuk memajukan teknologi hijau bagi memesatkan pelaksanaan dasar teknologi hijau;
- iii) menyelaraskan pelaksanaan program-program teknologi hijau dan perubahan iklim di peringkat nasional; dan
- iv) memantau dan menilai keberkesanan pelaksanaan dasar teknologi hijau negara dan perubahan iklim.

2. MTHPI telah bermesyuarat sebanyak lima kali sejak penubuhannya pada tahun 2010. Antara keputusan-keputusan penting yang telah diambil oleh MTHPI sehingga kini adalah:

- i) Bagi menggalakkan penglibatan perniagaan dalam bidang teknologi hijau, MTHPI telah bersetuju dengan pelaksanaan Skim Pembiayaan Teknologi Hijau, dengan izin (GTFS). Sehingga Februari 2014, skim GTFS telah berjaya memberikan manfaat kepada 124 projek berasaskan teknologi hijau yang diusahakan oleh syarikat-syarikat Industri Kecil dan Sederhana (IKS) tempatan dengan jumlah pembiayaan pinjaman mudah sebanyak RM1.66 bilion. Sebanyak 1,729 pekerjaan hijau telah diwujudkan melalui pelaksanaan projek-projek tersebut. Selain itu, projek-projek yang telah diberi pensijilan hijau dijangka dapat mengurangkan pelepasan karbon sebanyak 10.7 juta tan persamaan karbon dioksida setahun [ton CO₂ equivalent per year (tCO₂e/year)] sekaligus membantu usaha Kerajaan untuk mencapai pengurangan 40% intensiti pelepasan karbon pada tahun 2020 berdasarkan takat tahun 2005.
- ii) Bagi menggalakkan amalan kecekapan tenaga, MTHPI telah memutuskan untuk mengeluarkan surat pekeliling kepada semua Badan Kerajaan dan Agensi untuk menyelaraskan suhu semua bangunan kerajaan supaya tidak kurang daripada 24 darjah celcius. Selaras dengan pekeliling tersebut, semua bangunan Kerajaan diarahkan untuk menerapkan amalan

kecekapan tenaga. Selain dari itu, sehubungan dengan persetujuan MTHPI kepada saranan untuk menggantikan lampu-lampu konvensional dengan lampu cekap tenaga iaitu *light-emitting-diode* (LED), dengan izin, mesyuarat Jemaah Menteri telah bersetuju penggunaan lampu jalan jenis LED dijadikan sebagai dasar dalam pembangunan kawasan baru di seluruh negara.

- iii) Bagi menggalakkan penggunaan Tenaga Boleh Baharu, MTHPI bersetuju untuk turut mempertimbangkan potensi penjanaan elektrik daripada sumber biojisim daripada *Empty Fruit Bunches* (EFB), biogas daripada *Palm Oil Mill Effluent* (POME) dan sisa pepejal melalui pelaksanaan *Feed in Tariff* (FiT). Melalui pelaksanaan FIT, sehingga Januari 2014, sebanyak 38 permohonan projek Tenaga Boleh Baharu biogas dan biojisim yang bersamaan 196.02 MW kapasiti telah diluluskan. Daripada jumlah tersebut juga, sebanyak 4,658 peluang pekerjaan telah berjaya diwujudkan serta turut menyumbang kepada pengurangan pelepasan karbon sebanyak 715,750 tCO₂e.
- iv) Dalam usaha untuk meningkatkan pengeluaran produk/perkhidmatan teknologi hijau tempatan, MTHPI telah bersetuju dengan pelaksanaan Program MyHijau. Program yang

merangkumi 4 komponen utama iaitu MyHijau Pelabelan, MyHijau Perolehan, MyHijau Direktori dan MyHijau IKS dan Usahawan. Merujuk data semasa, sebanyak 58 syarikat bersama 403 produk telah disenaraikan di bawah program MyHijau Pelabelan manakala sebanyak 116 syarikat bersama 358 produk hijau telah disenaraikan di bawah program MyHijau Direktori.

- v) Bagi pelaksanaan program MyHijau Perolehan, MTHPI telah bersetuju dengan cadangan supaya Bahagian Perolehan Kementerian Kewangan di bawah program ini menjadi penyelaras kepada Program Perolehan Hijau Kerajaan atau dengan izin, (GGP). Melalui Pelan Jangka Pendek GGP, empat Kementerian telah dikenalpasti untuk projek perintis iaitu Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Kementerian Kesihatan, Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Pendidikan bermula tahun ini.
- vi) Mesyuarat MTHPI yang ke lima pada awal tahun ini telah meluluskan penubuhan *Sustainable Mobility Fund* melalui penyaluran dana sebanyak RM70 juta daripada Kumpulan

Wang Amanah Pengangkutan Awam (KWAPA) dalam usaha untuk menggalakkan pembangunan kenderaan elektrik di Malaysia terutamanya dalam pengangkutan awam. Dana ini membolehkan syarikat pengangkutan awam membuat perolehan bas elektrik bagi menawarkan perkhidmatan yang lebih mesra alam. Di samping itu, ia juga dapat mengurangkan beban Kerajaan dalam penyediaan subsidi diesel.

Tuan Yang Dipertua,

3. MTHPI telah memainkan peranan yang sangat penting terhadap pembangunan teknologi hijau di negara ini di samping menangani isu perubahan iklim. Dengan adanya Majlis ini, pelbagai keputusan dasar dan pelaksanaan program teknologi hijau telah berjaya dan sedang dilaksanakan. MTHPI adalah merupakan penggerak utama dalam penentu kejayaan ini yang seterusnya berupaya mencapai usaha pengurangan 40% intensiti pelepasan karbon pada tahun 2020 seperti yang dihasratkan oleh YAB Perdana Menteri.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL
(PENDANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 18.03.2014

Y.B. DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL [PENDANG] minta **MENTERI**

KEWANGAN menyatakan:-

(a) apakah benar rungutan kakitangan MAS peringkat bawahan, sudah 10 tahun gaji mereka tidak dinaikkan dan sudah lama dividen tidak dibayar; dan

(b) apakah langkah-langkah MAS selanjutnya bagi menjaga kebajikan kakitangan bawahan mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, kenyataan berhubung kakitangan Malaysian Airline System Bhd (MAS) tidak dinaikkan gaji sejak 10 tahun lalu adalah tidak benar kerana kenaikan gaji tahunan kakitangan syarikat dijalankan pada setiap tahun berdasarkan Sistem Pengurusan Prestasi (*Performance Management System - PMS*) dan pembayaran dilakukan pada bulan April setiap tahun. Kenaikan gaji adalah terma yang telah dipersetujui di dalam Perjanjian Bersama (*Collective Agreement*) dan sehingga kini, pihak syarikat tidak pernah gagal membayar kenaikan gaji tahunan kakitangannya.

Selain kenaikan gaji tahunan, kakitangan MAS juga dipertimbangkan pelarasan gaji berdasarkan rundingan Perjanjian Bersama yang diadakan setiap tiga (3) tahun di antara pihak kesatuan dan pihak pengurusan. Dalam hubungan ini, kakitangan MAS telah diberikan pelarasan gaji sebanyak 5% berkuatkuasa 1 September 2011 dan pembayaran telah dibuat pada bulan Julai 2012. Untuk bayaran dividen pula, ianya tidak dibayar kepada kakitangan syarikat tetapi kepada pemegang saham

syarikat berdasarkan prestasi dan kedudukan kewangan syarikat, tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan Lembaga Pengarah syarikat.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam usaha menjaga kebajikan kakitangan, pihak syarikat sentiasa berusaha untuk menyediakan suasana kerja yang kondusif dan antara inisiatif yang dilaksanakan adalah:

- i. mengadakan Jawatankuasa Perundingan Bersama (*Joint Consultative Committee - JCC*) dengan pihak Kesatuan secara berterusan untuk memastikan segala isu berkaitan kebajikan kakitangan, suasana pekerjaan dan isu operasi ditangani secara berkesan dengan kerjasama semua pihak;
- ii. kakitangan tidak akan ditamatkan perkhidmatan atas alasan lebihan kakitangan kecuali jika terdapat salah laku;
- iii. menambahbaik Perjanjian Bersama berdasarkan kemampuan kewangan/sumber syarikat;
- iv. mengiktiraf kakitangan yang banyak berjasa dengan memberikan Anugerah sebagai tanda penghargaan syarikat kepada kakitangan; dan

v. sesi “turun padang” dijalankan secara berterusan oleh para pemimpin atasan syarikat dalam usaha untuk lebih mendalami dan memahami situasi sebenar yang dihadapi oleh semua kakitangan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD
(KOTA RAJA)**

TARIKH : 18 MAC 2014 (SELASA)

SOALAN :

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud (Kota Raja) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik kes pengabaian terhadap kanak-kanak dan tindakan Kementerian untuk menangani peningkatan jumlah pengabaian kanak-kanak oleh penjaga atau ibu bapa mereka

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin dan memandang serius akan kes pengabaian kanak-kanak yang merupakan aset penting negara.

Berdasarkan data yang data yang dikumpul oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), terdapat sebanyak 1,420 kes pengabaian kanak-kanak pada tahun 2011, 1,649 kes pada tahun 2012 dan 1,308 kes pada tahun 2013.

Bagi mengatasi masalah pengabaian kanak-kanak, KPWKM melalui JKJ mengambil tindakan-tindakan berikut:

- (a) Bagi jangka pendek, kanak-kanak yang menjadi mangsa pengabaian ini akan diselamatkan dan sekiranya kanak-kanak berkenaan memerlukan penjagaan dan perlindungan, tindakan diambil berdasarkan peruntukan Akta Kanak-Kanak 2001 seperti berikut:

- (i) ditempatkan di Rumah Kanak-Kanak selama 3 tahun atau hingga mangsa mencapai umur 18 tahun; atau
 - (ii) diletakkan dalam jagaan seseorang yang layak dan sesuai selama tempoh dinyatakan oleh Mahkamah Bagi Kanak-Kanak dengan pengawasan seorang Pelindung (Pegawai Kebajikan Masyarakat)
- (b) Dalam usaha membendung masalah ini, ibu bapa atau penjaga pula diberi kaunseling supaya mereka dapat dibantu serta dibimbing. Perkhidmatan ini amat diperlukan bagi menjamin kesejahteraan keluarga demi masa hadapan kanak-kanak terbabit. Program kaunseling keluarga turut dipertingkatkan dengan penglibatan pelbagai pihak seperti pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan ahli akademik.
- (c) Mewujudkan Talian Nur 15999 bagi membolehkan masyarakat membuat laporan mengenai kes kanak-kanak yang diabaikan. Talian ini beroperasi 24 jam sehari dan 365 hari setahun.

- (d) Mewujudkan Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak (PPKK) yang bertujuan menyelaraskan perkhidmatan-perkhidmatan setempat kepada keluarga dan kanak-kanak jika kanak-kanak memerlukan atau disyaki memerlukan perlindungan. Hingga kini terdapat 134 buah Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak telah diwujudkan di seluruh Malaysia.
- (e) Mewujudkan Pusat Aktiviti Kanak-Kanak di seluruh negara yang menyediakan perkhidmatan sokongan membantu keluarga dan kanak-kanak berisiko tinggi melalui 149 buah Pusat Aktiviti Kanak-Kanak di seluruh negara dengan sejumlah 18,350 orang kanak-kanak yang mendapat perkhidmatan di pusat tersebut. Antara program advokasi serta intervensi yang diadakan ialah seminar, bengkel, ceramah, kursus motivasi, bimbingan serta kaunseling, riadah dan bersukan.
- (f) Melaksanakan program **Keluarga@Kerja (Parenting@Work)** khusus untuk ibu bapa bekerja, sama ada di sektor awam atau swasta sejak tahun 2007. Matlamat program adalah untuk membantu ibu bapa yang bekerja memperolehi kemahiran mengimbangi antara

tanggungjawab kerja dengan keluarga (*work life balance*), kemahiran menguruskan cabaran keluarga dan rumah tangga serta keibubapaan kreatif. Bagi tempoh 2007 hingga bulan Disember 2013, sejumlah 603 program telah dilaksanakan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara dengan kerjasama NGO yang melibatkan penyertaan seramai 25,971 orang peserta.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DR AZMAN BIN ISMAIL
(KUALA KEDAH)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 18.03.2014

Y.B. DR AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH] minta **MENTERI**

KEWANGAN menyatakan pendirian Kerajaan terhadap Bitcoin, iaitu “matawang alam maya”. Apakah jangkaan Kementerian Kewangan tentang kesan penggunaan Bitcoin terhadap ekonomi negara.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, Bitcoin merupakan mata wang digital yang telah diperkenalkan pada tahun 2009. Bitcoin ditawarkan dalam bentuk digital dan disimpan di dalam dompet elektronik yang boleh diakses melalui internet. Memandangkan Bitcoin beroperasi dalam rangkaian Bitcoin yang terdiri daripada individu-individu di seluruh dunia

tanpa melibatkan mana-mana pengendali tunggal atau syarikat persendirian, Bitcoin tidak dapat dikawalselia secara menyeluruh oleh mana-mana pihak berkuasa di dunia.

2. Di Malaysia, Bank Negara Malaysia (BNM) tidak mengiktiraf Bitcoin sebagai mata wang yang sah. BNM telah mengeluarkan kenyataan amaran di laman web pada 3 Januari 2014 untuk mengingatkan orang ramai supaya berhati-hati dengan risiko yang berkaitan dengan penggunaan mata wang digital tersebut. Berdasarkan maklumat yang sedia ada, BNM mendapati operasi sistem Bitcoin adalah kurang jelas dan tidak telus. Oleh kerana Bitcoin boleh digunakan tanpa mendedahkan identiti pengguna, Bitcoin boleh disalahgunakan oleh penjenayah untuk pengubahan wang haram serta perdagangan pasaran gelap. Di Amerika Syarikat, Biro Penyiasatan Persekutuan (Federal Bureau of Investigation) telah menutupkan laman web 'Jalan Sutera' (Silk Road) pada bulan Oktober 2013 kerana Bitcoin telah disalahgunakan untuk membeli dadah, senjata api atau barang-barang haram melalui laman web ini. Bitcoin yang berasaskan bentuk digital juga terdedah kepada risiko kecurian siber. Contohnya, platform pertukaran Bitcoin yang beroperasi di Jepun,

iaitu Mt. Gox telah memfailkan permohonan untuk diisytiharkan sebagai muflis pada bulan Februari 2014 selepas kehilangan kira-kira 850,000 Bitcoin bernilai \$480 juta akibat daripada penggodaman sistem komputer.

3. Kebanyakan negara telah mengisytiharkan bahawa Bitcoin bukan mata wang yang sah serta memberi amaran kepada pengguna berkenaan risiko Bitcoin. Namun, di beberapa negara (contohnya, Kanada, Singapura dan Hong Kong), penjualan Bitcoin juga ditawarkan di kiosk yang dikenali sebagai Bitcoin ATM dan tidak terhad kepada jual beli melalui Internet. Setakat ini, hanya China sahaja yang melarang institusi kewangan dan syarikat-syarikat pembayaran untuk melibatkan diri dalam sebarang perniagaan yang berkaitan dengan Bitcoin.

4. Penerimaan dan penggunaan Bitcoin di Malaysia masih di peringkat awal dan tidak meluas dengan anggaran 300 pengguna dan hanya dua saudagar di Malaysia yang menerima Bitcoin sebagai cara pembayaran. Buat masa ini, penggunaan Bitcoin tidak menimbulkan sebarang risiko sistemik terhadap ekonomi negara. BNM akan memantau perkembangan dan menilai kesan mata wang digital ini terhadap ekonomi negara dari

semasa ke semasa. BNM akan menilai keperluan untuk menggubal peruntukan perundangan bagi membolehkan pengawalseliaan atau larangan mata wang digital tersebut demi kestabilan monetari dan kestabilan kewangan di Malaysia.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : **Y.B. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD**
(SHAH ALAM)

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH : **18.03.2014**

Y.B. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD [SHAH ALAM] minta
MENTERI KEWANGAN menyatakan kos kempen dan iklan GST sehingga
pelaksanaannya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program kesedaran dan latihan GST telah dijalankan semenjak tahun 2010 kepada tiga golongan sasaran iaitu pengguna, peniaga dan jabatan Kerajaan. Program penerangan GST

kepada pelajar-pelajar sekolah, IPTA dan IPTS serta penduduk kampung juga turut dilaksanakan. Sehingga 28 Februari 2014, sebanyak 4,967 program telah dijalankan dan dihadiri oleh 271,288 orang.

Bagi golongan peniaga yang merupakan kumpulan kritikal dalam pelaksanaan GST, Kerajaan telah merangka dan sedang menjalankan program-program taklimat dan latihan melalui tiga kaedah iaitu samada dianjurkan sendiri oleh pihak Kerajaan atau pihak swasta ataupun secara bersama oleh Kerajaan dan pihak swasta.

Bagi aktiviti publisiti, pelbagai saluran media telah dijalankan seperti di akhbar arus perdana, televisyen, radio dan billboard serta melalui media sosial seperti blogspot, laman web, twitter dan facebook.

Tuan Yang DiPertua,

Perbelanjaan yang telah dan akan dilakukan oleh Kerajaan termasuk :

- i. RM98 juta bagi sistem perkomputeran GST yang telah siap dibangunkan

- oleh Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (tahun 2013/2014);
- ii. RM150 juta penyediaan perisian perakaunan bersubsidi kepada PKS yang sedang diuruskan oleh Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (RM125 juta : 2014; RM25 juta : 2015). Perisian ini akan dikendalikan oleh 55 syarikat yang dipilih oleh Jabatan Kastam Di Raja Malaysia;
 - iii. RM100 juta bagi geran latihan kepada peniaga yang diuruskan oleh Kementerian Kewangan (RM50 juta : 2013; RM50 juta : 2014); dan
 - iv. RM17 juta bagi program publisiti melalui pelbagai saluran media seperti di akhbar arus perdana, televisyen, radio, dan billboard serta melalui media sosial iaitu blogspot, laman web, twitter dan Facebook yang diuruskan oleh Kemeenterian Kewangan (2012-2014).

Berkenaan kos pelaksanaan GST di negara-negara lain, kos sebenar yang berbangkit adalah berbeza dan tidak didedah melalui terbitan rasmi.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH
PAIRIN KITINGAN
[KENINGAU]**

TARIKH : 18 MAC 2014

SOALAN :

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada formula bantuan untuk mangsa-mangsa banjir boleh ditentukan standard minima sama ada dalam bentuk kewangan ataupun barang-barang seperti beras, tin sardin, ubat mahupun bantal atau selimut supaya dengan adanya standard minima ini pemberian pakej untuk mangsa-mangsa banjir disampaikan dengan cepat dan terbuka dan mengelakkan daripada kekeliruan kerana persepsi orang ramai melihat bahawa standard pakej bantuan yang dihulurkan di Semenanjung berbeza apa yang dihulurkan di Sabah.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Penyaluran bantuan kepada mangsa banjir disediakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Bantuan yang disalurkan adalah bantuan pemulihan jangka pendek di pusat pemindahan dan bantuan pemulihan jangka panjang.

Bantuan pemulihan jangka pendek meliputi bantuan barangan keperluan dan bantuan makanan. Peruntukan bagi bekalan makanan dan barangan keperluan ini disalurkan oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

Bagi barangan keperluan bencana, pihak JKM telah menetapkan standard minima sepertimana dalam Peraturan Tetap Operasi (SOP) Pengurusan Bencana JKM iaitu meliputi keperluan asas dan *hygiene kit*. Manakala bagi bantuan makanan pula, JKM juga telah menyenaraikan bahan makanan asas yang perlu dibekalkan di pusat pemindahan dan catuan makanan tambahan lain seperti ikan, ayam, daging dan lain-lain makanan yang bersesuaian boleh dibekalkan terus oleh pembekal yang dilantik. Walau bagaimanapun kadar harga catuan makanan bagi seorang mangsa adalah berbeza antara negeri kerana ianya tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN).

Bagi bantuan pemulihan jangka panjang iaitu bantuan kewangan, penetapan sama ada diberikan bantuan wang ehsan atau bantuan

pemulihan JKM adalah tertakluk kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP). Pada masa kini, bagi bencana banjir bantuan wang ehsan disalurkan melalui Majlis Keselamatan Negara.

Standard minima tersebut telah digunapakai di semua negeri termasuk di negeri Sabah dan MKN dan JKM tidak mengamalkan diskriminasi dalam penyediaan dan penyaluran bantuan kepada mangsa banjir.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL
[SUNGAI PETANI]**

TARIKH : 18 MAC 2014 (SELASA)

SOALAN :

DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-

- (i) berapakah kos menaik taraf Hentian Pudu Sentral dan Hentian Duta; dan
- (ii) apakah rasional Kerajaan membuat cadangan bagi memindahkan semua pengendali bas ekspres ke Terminal Bersepadu Selatan (TBS) di Salak Selatan. Bukankah ini akan menyusahkan pengusaha bas dan orang awam dan menambahkan kos pengguna perkhidmatan awam ini.

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kos menaik taraf Hentian Pudu Sentral adalah sebanyak RM52 juta manakala bagi Hentian Duta pula adalah sebanyak RM1.1 juta.
2. Faktor utama cadangan bagi memindahkan semua pengendali bas ekspres ke Terminal Bersepadu Selatan (TBS) di Salak Selatan oleh Kerajaan adalah kerana kedua-dua hentian tersebut tidak lagi mampu untuk menampung bilangan bas serta penumpang yang menggunakan terminal tersebut.
3. Selain daripada itu, terdapat juga faktor-faktor lain yang menyokong cadangan tersebut, seperti:

(i) Kekangan Operasi

Kapasiti platform bas semasa di Hentian Pudu Sentral adalah sebanyak 22 platform sahaja manakala di Hentian Duta pula, jumlah platform bas adalah sebanyak 12 platform sahaja. Ini telah menyebabkan kesesakan di dalam terminal-terminal itu sendiri kerana bilangan platform tidak selari dengan bilangan *trip* bas.

(ii) Rekabentuk terminal yang terhad

Di Pudu Sentral, bas dua tingkat tidak dapat memasuki platform yang disediakan kerana reka bentuk terminal ini hanya sesuai untuk bas satu tingkat sahaja. Keadaan ini telah memaksa bas-bas dua tingkat ini beroperasi di luar Pudu Sentral dan telah menyebabkan kesesakan lalu lintas. Di samping itu, penumpang bas dua tingkat ini juga terdedah dengan faktor cuaca panas dan hujan semasa menaiki atau turun dari bas.

Di Hentian Duta pula, reka bentuk asalnya cuma untuk menampung operasi bas ekspres dari Kuala Lumpur ke KLIA sahaja. Namun ia kemudian telah dijadikan sebagai terminal sokongan kepada Pudu Sentral bagi perkhidmatan bas ekspres arah utara.

dan

(iii) Ketiadaan Sistem Jualan tiket berpusat

Tiada kemudahan sistem tiket berpusat di Pudu Sentral dan Hentian Duta sebagaimana yang dilaksanakan di Terminal Bersepadu Selatan (TBS). Penawaran perkhidmatan bas yang tidak teratur dan mengelirukan boleh mendorong kepada kegiatan ulat tiket untuk berleluasa.

4. TBS juga menawarkan kelebihan-kelebihan seperti:

(i) Kawasan Terminal dan Operasi yang selesa

TBS mampu mengendalikan kapasiti 5,000 trip bas sehari. Pada masa ini, ia hanya mengendalikan 1,000 trip sehari untuk bas ekspres ke Selatan Semenanjung. Sekiranya operasi bas ekspres ke Utara Semenanjung dari Hentian Pudu Sentral dipindahkan, jumlah *trip* dijangka menjadi 2,000 *trip* sehari. Ini bermakna, TBS masih mempunyai kapasiti yang lebih daripada mencukupi. Pemindahan ini juga akan memudahkan transit antara penumpang dari utara ke selatan dan sebaliknya di samping mewujudkan persaingan sihat antara pengusaha bas.

(ii) Sistem Maklumat dan Penjualan Tiket Berpusat

Sistem tiket berpusat yang beroperasi di TBS memberi kebebasan kepada pengguna memilih sendiri syarikat bas, tempat duduk dan waktu perjalanan yang diinginkan oleh penumpang tanpa gangguan atau dipengaruhi mahupun dipaksa oleh penjual tiket atau perayu (ulat tiket) untuk memilih syarikat yang memberi perkhidmatan yang terbaik.

(iii) Jaringan Hubungan Pelbagai Mod Pengangkutan

TBS mempunyai rangkaian salinghubung (*connectivity*) pelbagai mod pengangkutan iaitu rel, bas dan teksi, serta

disokong dengan rangkaian jalan raya, menjadikannya mudah dicapai oleh pengguna dari mana-mana kawasan.

(iv) Kemudahan dan Tahap Keselamatan yang tinggi bagi penumpang

Kemudahan dan tahap keselamatan yang tinggi menjamin rasa selesa dan selamat semasa berurusan dari proses membeli tiket, menunggu waktu bas berlepas hingga menaiki bas ke destinasi masing-masing.

(v) Kemudahan tempat rehat untuk pemandu dan tempat bas menunggu

TBS juga menyediakan satu kawasan khusus untuk bas ekspres menunggu yang boleh memuatkan sehingga 100 buah bas dalam satu masa. Kemudahan ini telah membantu mengatasi masalah kesesakan di kawasan terminal. Di samping itu juga, kemudahan-kemudahan lain seperti tempat berehat, tempat solat dan kantin juga disediakan untuk kemudahan pemandu bas ekspres.

5. Rancangan perpindahan operasi ke TBS ini sedang dalam penelitian akhir bagi memastikan keselesaan dan perkhidmatan yang baik kepada pengguna mahupun pengusaha bas ekspres.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]

TARIKH : 18 MAC 2014

SOALAN :

Tuan Oscar Ling Chai Yew [SibU] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan akibat yang akan dibawa oleh Syarikat Wilmar International yang akan berhenti membeli "*Crude Palm Oil*" yang diperolehi daripada kawasan hutan dan tanah "*peat soil*" pada tahun 2015. Apakah sebab Wilmar International membuat keputusan sedemikian.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dasar Wilmar bertajuk “*No Deforestation, No Peat, No Exploitation*” yang diperkenalkan oleh syarikat Wilmar pada 5 Disember 2013 merupakan satu *business-to-business arrangement* dan tidak berkaitan dengan dasar Kerajaan mengenai pembangunan industri sawit negara.

Di bawah dasar ini, Wilmar tidak akan membeli hasil sawit dari pembekal-pembekal yang diusahakan di tanah gambut dan hutan yang diteroka selepas 31 Disember 2015. Ini bererti, hasil sawit dari kawasan-kawasan ini masih boleh dijual kepada pembeli-pembeli lain selain daripada Wilmar.

Sebagai pembeli dan pengedar utama minyak sawit dunia, tujuan utama pihak Wilmar mengamalkan Dasar tersebut adalah untuk meyakinkan para pembeli di luar negara, terutamanya di Eropah bahawa minyak sawit yang dipasarkan olehnya adalah dari sumber yang mampan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN NG WEI AIK
(TANJONG)**

TARIKH : 18 MAC 2014 (SELASA)

SOALAN :

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan ingin mengotakan janjinya lagi dengan mewujudkan serta melaksanakan sistem monorel di Pulau Pinang selepas siapnya projek pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang baru-baru ini.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini Kerajaan tiada rancangan untuk melaksanakan Sistem Monorel di Pulau Pinang. Keputusan ini dibuat berikutan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 23 April 2008 dan hasil Kajian Pelan Induk Pengangkutan di Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan tetap memberi perhatian kepada usaha-usaha untuk mengatasi masalah pengangkutan awam di Pulau Pinang.

Sehubungan itu, bagi menambah baik sistem pengangkutan awam di Pulau Pinang, Syarikat Prasarana Negara Berhad melalui anak syarikatnya Rapid Penang yang telah beroperasi sejak tahun 2007 telah menambahbaik perkhidmatan mereka agar isu masalah kesesakan jalan raya dan kemudahan pengangkutan awam di Pulau Pinang dapat diselesaikan. Pada masa kini, Rapid Penang mempunyai 316 buah bas untuk 46 laluan perkhidmatan. Di samping itu, bagi tahun 2014, Rapid Penang dijangka akan menambah 200 buah bas lagi secara berperingkat-peringkat sebagai langkah bagi menambahbaik perkhidmatan pengangkutan awam di Pulau Pinang.

Kerajaan Persekutuan juga akan melaksanakan projek Naik Taraf Bayan Lepas Expressway Daripada Batu Maung Ke Jambatan

Pulau Pinang untuk mengatasi masalah penyuraian trafik dari Jambatan Kedua Pulau Pinang atau Jambatan Sultan Abdul Halim Mua'dzam Shah supaya pengguna jambatan tersebut dapat menggunakan kemudahan tersebut dengan lebih selesa.

Selain itu, SPAD juga telah menyediakan Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat Negara (Rancangan Induk Negara) sebagai rujukan untuk perancangan pengangkutan awam di seluruh negara. Rancangan Induk Negara ini juga bertujuan untuk menyokong usaha Malaysia ke arah menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi dengan menyediakan transformasi pengangkutan awam darat berimpak tinggi. Rancangan tersebut menyediakan strategi yang komprehensif bagi mencapai visi untuk menjadikan pengangkutan awam darat sebagai pilihan mobiliti rakyat menjelang tahun 2030. Bagi Pulau Pinang, penelitian sedang dibuat oleh SPAD untuk menyediakan Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri supaya sejajar dengan Rancangan Induk Negara tersebut.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. Tan Sri Datuk Seri Panglima Annuar bin Musa [Ketereh]**

TARIKH : **18.3.2014**

SOALAN :

Y.B. Tan Sri Datuk Seri Panglima Annuar bin Musa [Ketereh] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah dasar Kementerian berhubung penghantaran pelajar ke negara Mesir di masa akan datang dan apakah usaha Kementerian dalam membantu pelajar yang terpaksa pulang dan menyambung pelajaran dalam negara akibat kekacauan yang berlaku di negara berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, atas sebab-sebab keselamatan, buat masa ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak menggalakkan pelajar-pelajar menyambung pengajian ke negara-negara yang bergolak termasuklah ke Mesir. Pada 20 Februari 2014, Kementerian Luar Negeri (KLN) telah mengemas kini *travel advisory* berhubung keadaan di Mesir di mana rakyat Malaysia adalah disarankan untuk tidak ke Mesir memandangkan keadaan di Mesir yang masih tidak stabil. Kedutaan Besar Malaysia Kaherah bersama Education Malaysia Mesir sentiasa memantau keselamatan pelajar Malaysia dengan menasihati mereka supaya tidak terlibat dengan mana-mana perhimpunan luar dan dalam kampus atau berada di kawasan yang bergolak.

KPM telah melaksanakan program pengurusan risiko bagi pelajar Malaysia di Mesir ekoran krisis Mesir 2013. Kerajaan Malaysia telah melaksanakan proses

evakuasi membawa pulang seramai 2,791 orang pelajar. Selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 18 September 2013, Jawatankuasa Pengurusan Pengajian Pelajar Malaysia dari Mesir (JPPPMM) telah memproses permohonan pelajar Malaysia di Mesir untuk melanjutkan pengajian di IPT di Malaysia bagi sesi 2013/2014 dalam bidang perubatan, pergigian, farmasi (pemindahan kredit *parallel*) dan pengajian Islam secara *one-off*.

JPPPMM juga telah mencadangkan satu alternatif bagi meringankan beban pelajar dengan membenarkan dwi pinjaman iaitu Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional dengan jumlah pinjaman maksimum RM150,000 dan pinjaman dari mana-mana agensi lain. JPPPMM juga telah memberi kelonggaran nisbah pensyarah-pelajar dari 1:4 kepada 1:8 dalam bidang perubatan, pergigian dan farmasi serta kelonggaran kelayakan akademik. Pelajar yang memperolehi minimum gred B bagi lapan (8) subjek dalam Sijil Pelajaran Malaysia kepada satu subjek gred C kecuali subjek Biologi dan Kimia boleh memohon untuk menyambung pengajian di institusi pengajian tinggi swasta. Penempatan pelajar adalah tertakluk pada kekosongan kuota dan syarat-syarat sedia ada yang diguna pakai oleh badan-badan profesional secara *one-off*.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]

TARIKH : 18.3.2014

SOALAN :

Y.B. Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan:-

- (a) apakah bentuk maklumat pelajar yang diserahkan kepada Syarikat YES yang menyenggarakan sistem portal pembelajaran dan adakah ianya termasuk taraf perkahwinan ibu bapa dan jumlah adik beradik di sekolah; dan
- (b) kenapakah syarikat GLC tidak ditawarkan kontrak menyenggarakan sistem portal pembelajaran berbanding dengan YES.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) hanya menyerahkan data/maklumat yang melibatkan nama pelajar, No Kad Pengenalan/ No Surat Beranak, Alamat, Sekolah dan Tingkatan/ Tahun, Kaum, Agama, Jantina dan Tarikh Lahir kepada pihak YTLC. Manakala maklumat ibu bapa dan penjaga pula hanya melibatkan butiran Nama, No. Kad Pengenalan, Kaum dan Jantina sahaja. Data-data lain milik pelajar tidak dibekalkan kepada pihak berkenaan.

- b) Proses perolehan kontrak Perkhidmatan 1Bestarinet adalah dibuat secara tender terbuka dan semua pihak yang berkeelayakan telah menyertai tender berkenaan. Kontrak perkhidmatan 1Bestarinet ini telah diberikan kepada Syarikat YTLC untuk tempoh 2 tahun 6 bulan. Pihak kerajaan akan membuat penilaian keberkesanan, pencapaian dan prestasi pihak syarikat dalam tempoh tersebut .

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh]
TARIKH : 18.3.2014
SOALAN :

Y.B. Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah perbelanjaan yang telah diagihkan untuk tujuan pembangunan infrastruktur mengikut klasifikasi sekolah sepanjang tahun 2013.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Antara peruntukan pembangunan infrastruktur yang disediakan untuk Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah di bawah Peruntukan Pembangunan (DE) dan juga peruntukan melalui Pakej Rangsangan Khas (PRK). Di bawah peruntukan PRK, pada tahun 2013, KPM telah diberi suntikan dana peruntukan sebanyak RM900 juta. Daripada peruntukan ini, sebanyak RM400 juta diagihkan kepada SK/SMK manakala RM100 juta disalurkan masing-masing kepada SJKC, SJKT, Sekolah Mubaligh, Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dan Sekolah Berasrama Penuh (SBP).

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, setiap peruntukan yang diumumkan di bawah PRK tidak semestinya dibelanjakan pada tahun yang sama peruntukan tersebut diumumkan kerana peruntukan tersebut berbentuk tabung. Prestasi pelaksanaan projek-projek di bawah PRK juga adalah tertakluk kepada

kekangan isu-isu pelaksanaan projek seperti pelantikan kontraktor yang bersesuaian, bencana alam dan sebagainya.

Selain peruntukan di bawah PRK, pada tahun 2013, Kementerian juga telah membelanjakan sebanyak 99.06% daripada RM 1 billion yang telah diperuntukkan pada tahun 2013 di bawah Peruntukan Pembangunan (DE) bagi tujuan yang sama.

Rjm34

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN
SAID [Pengerang - BN]**

TARIKH : 18 MAC 2014 (SELASA)

SOALAN (NO. 52)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah perkembangan terkini berhubung dengan status Majlis Kecergasan Kebangsaan yang pada mulanya ditubuhkan sebagai satu badan perunding, penyelaras, pengawal dan penasihat kepada pembangunan kecergasan agar menepati dan menyokong matlamat Dasar Sukan Negara dan Wawasan 2020.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Majlis Kecergasan Kebangsaan telah didaftarkan pada 19 April 2005 di Pejabat Pesuruhjaya Sukan (PPS) dengan Nombor Pendaftaran 1480/2005. Walau bagaimanapun, PPS mendapati Majlis ini tidak lagi aktif kerana tidak mengemukakan Maklumat Yang Kena Beri (MYKB) kepada PPS. PPS telah mengambil tindakan dengan mengeluarkan 3 surat peringatan kepada Majlis dan sehingga kini PPS masih tidak menerima apa-apa maklumbalas. PPS akan mengeluarkan Surat Tunjuk Sebab kepada Majlis untuk dibatalkan pendaftarannya selaras dengan peruntukan Akta Pembangunan Sukan 1997.
2. Sebagai makluman, walaupun Majlis tidak lagi aktif, Bahagian Pembangunan Sukan sentiasa membangunkan sukan-sukan berbentuk kecergasan yang dilaksanakan sehingga ke peringkat akar umbi. Antara program yang dilaksanakan adalah Karnival Kecergasan, Seminar Kecergasan, Gym 1Malaysia, Kursus Instruktur Kecergasan Senamrobik dan lain-lain

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. Tuan Seah Leong Peng
[TELOK INTAN]**

TARIKH : 18.03.2014 (SELASA)

NO. SOALAN : 53

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah usaha-usaha yang dilakukan dan apakah perhatian yang telah diambil oleh Kementerian untuk membantu dan menjaga kebajikan pekebun getah andainya harga komoditi tersebut berlarutan berada pada paras harga yang rendah.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Antara usaha-usaha dan perhatian yang telah diambil dan dilakukan oleh RISDA untuk membantu menjaga kebajikan Pekebun Getah andainya harga komoditi tersebut berlarutan berada pada paras harga yang rendah adalah seperti berikut :

- a. mewujudkan beberapa inisiatif dan program yang boleh **mengurangkan harga benih dan baja** di mana harga benih RISDA adalah RM2.33/pokok berbanding harga pasaran RM4.50/pokok. Manakala jumlah pengurangan harga baja iaitu baja RISDA 1 dikurangkan daripada RM1,374/MT (2013) kepada RM1,190/MT (2014), perbezaannya sebanyak RM184/MT dan baja RISDA 4 daripada RM1,448/MT (2013) kepada RM1,100/MT (2014), perbezaannya sebanyak RM348/MT. Pengurangan kedua-dua jenis baja tersebut berjumlah sebanyak RM532/MT;
- b. membantu Pekebun Kecil mengurangkan kos input dengan meningkatkan produktiviti getah. Mereka

diberi bantuan alat torehan melalui **Program Pengekalan Getah (PPG)** serta bahan rangsangan lateks, cuka pembeku getah dan baja melalui **Skim Insentif Produktiviti Getah (SIPG)**;

- c. melalui **Program Pembangunan Infrastruktur Pemasaran (PIP)** dengan pembinaan **Pusat Timbang dan Stor (PTS)** serta **Depo Simpanan** RISDA yang berperanan untuk memendekkan rantaian pemasaran agar Pekebun Kecil memperoleh harga yang lebih tinggi;
- d. memberikan bantuan prasarana kepada kawasan yang memerlukan melalui program **Prasarana Asas Pertanian (PAP)** seperti jalan pertanian dan sistem perparitan;
- e. mengalakkan Pekebun Kecil mengamalkan **Good Agricultural Practices (GAP)**. Amalan ini berupaya mengurangkan penggunaan tenaga buruh asing sekaligus meningkatkan pendapatan mereka sendiri;
- f. memperkenalkan **Low Intensity Tapping System (LITS)** atau **Sistem Torehan**

Kekerapan Rendah yang dapat meningkatkan bilangan *task* torehan mereka;

- g. mengalakkan Pekebun Kecil menyertai **Program Tanam Semula Getah ke Tanaman Lain (TSGL)** yang merangkumi 5 jenis tanaman buah-buahan untuk menikmati pendapatan tambahan;
- h. melalui **Program Keusahawanan** dengan sasaran seramai 1,700 usahawan baru dilatih melalui **Program Pembangunan Keusahawanan dan Tabung Pembangunan Sosio Ekonomi Pekebun Kecil**;
- i. melalui Program **Aktiviti Ekonomi Tambahan** untuk memastikan penggunaan tanah yang optimum dengan menggalakkan Pekebun Kecil supaya melaksanakan tanaman kontan seperti cili, pisang, nenas dan lain-lain; dan
- j. meningkatkan agihan dividen kepada Pekebun Kecil dengan usaha **Syarikat Milikan RISDA** yang mengoptimumkan kesemua kawasan getah supaya boleh ditoreh sekaligus untuk memaksimumkan hasil getah.

Selain itu, pihak Kementerian melalui RISDA turut memperkenalkan **Program Bantuan Sara Hidup Pekebun Kecil (SHPK)**. Program ini telah dimulakan pada tahun 2013 dan berakhir pada tahun 2016 yang bertujuan untuk menampung pendapatan harian bagi Pekebun Kecil yang layak dan mematuhi syarat dengan memberi bantuan kewangan sebanyak RM500 sebulan selama 48 bulan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN SHAMSUL ISKANDAR BIN MOHD
AKIN [BUKIT KATIL]
TARIKH : 18 MAC 2014
SOALAN :

YB Tuan Shamsul Iskandar bin Mohd Akin [Bukit Katil] minta
MENTERI KESIHATAN menyatakan:-

- (a) Statistik kes denggi di kawasan Parlimen Bukit Katil; dan
- (b) Apakah Kementerian tidak bercadang untuk membekalkan "Abate" secara percuma serta melakukan reformasi menyeluruh program COMBI untuk memerangi denggi habis-habisan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman, Jumlah kes denggi yang dilaporkan di kawasan Parlimen Bukit Katil pada tahun 2014 (sehingga 23 Februari) adalah sebanyak 50 kes dan tiada kematian dicatatkan.

Tuan Yang Dipertua,

Abate/Temephos (racun pembunuh jentik-jentik) sememangnya digunakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam kawalan dan pencegahan denggi. Ia diberikan secara percuma kepada orang awam melalui Pejabat Kesihatan Daerah terutama di kawasan yang melaporkan kes denggi dan kawasan wabak denggi. Orang ramai juga memperolehi temephos ini di pasaraya-pasaraya tertentu.

Projek COMBI ditubuh untuk memperkasakan komuniti agar mereka bertindak menjaga kesejahteraan dan keharmonian kesihatan penduduk setempat. Oleh yang demikian, anggota komuniti akan menentukan tujuan dan halatuju pasukan COMBI masing-masing. KKM sentiasa mengambil langkah proaktif bersama komuniti untuk membantu kelestarian projek tersebut.

Salah satu langkah untuk memastikan kelestarian dan reformasi COMBI ialah penyertaan dan penubuhan COMBI dibuka kepada pelbagai pihak, seperti:

- (i) Penglibatan pertubuhan bukan kerajaan (NGO);
- (ii) Penubuhan COMBI diuruskan melalui penglibatan rukun tetangga;
- (iii) Pertubuhan professional dan politik juga turut menubuh COMBI bagi tujuan yang sama; dan
- (iv) Pihak swasta digalakkan menaja atau berkongsi sumber kewangan dalam melaksanakan aktiviti pencegahan denggi di bawah program tanggungjawab sosial (CSR).

Transformasi COMBI dilakukan dengan memperluas skop ke aktivitas amalan cara hidup sihat. Ahli COMBI dilatih untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti untuk mencegah penyakit-penyakit tidak berjangkit di samping mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]**
TARIKH : **18.3.2014**
SOALAN :

Y.B. Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tindakan-tindakan disiplin yang telah diambil dan dikenakan terhadap Muhammad Rizuan Suhaimi setelah menyerang dan membelasah Timbalan Menteri Pendidikan, Tuan P Kamalanathan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) belum mengambil sebarang tindakan, memandangkan kes berkenaan masih dalam siasatan pihak polis. Sebarang tindakan adalah tertakluk kepada Peraturan 4(2) (d) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. Puan Teo Nie Ching [Kulai]**
TARIKH : **18.3.2014**
SOALAN :

Y.B. Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah graduan DPLI GSTT yang belum ditempatkan di mana-mana sekolah dan jumlah jawatan kosong di sekolah yang belum diisikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Daripada keseluruhan 6,036 graduan DPLI GSTT yang telah menamatkan pengajian pada Jun 2013, seramai 5,922 orang telah diperakukan melalui temuduga oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) pada Disember 2013. Bilangan graduan yang tidak dapat ditempatkan adalah berjumlah 114 orang yang terdiri daripada 107 calon yang gagal temu duga dan 7 orang yang masih dalam semakan pengiktirafan ijazah.

Secara umumnya, penempatan graduan ini telah dan sedang dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mulai Januari hingga sehingga jumlah tersebut selesai ditempatkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]

TARIKH : 18 MAC 2014

RUJUKAN : 6714

SOALAN:

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sebab Kimani Ngure dari Kenya dilarang masuk ke Malaysia oleh Imigresen KLIA pada 25 Oktober 2013. Apakah Standard Operating Procedure (SOP) bagi Imigresen menghalang kemasukan warga asing dan apakah beliau telah disenarai-hitamkan oleh Kementerian untuk dilarang masuk ke Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, pemegang pasport dan warganegara Kenya B013787 Ngure John Kimani pernah ditolak kemasukan ke Malaysia melalui pintu masuk Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur pada 2 September 2009 dan beliau telah disenaraihitamkan.

Akta Imigresen Malaysia 1959/63 (pindaan 2002) pada seksyen 8(3) telah menetapkan beberapa kriteria individu yang tidak akan dibenarkan untuk memasuki Malaysia dan akan ditolak kemasukannya adalah seperti berikut:

- i. Tidak dapat menunjukkan punca pendapatan untuk menyara dirinya dan tanggungannya;**
- ii. Mengalami sakit otak atau mempunyai kecacatan mental;**
- iii. Enggan membuat pemeriksaan kesihatan setelah dikehendaki berbuat sedemikian seperti mana yang telah diperuntukkan seksyen 39A(1) Akta Imigresen Malaysia 1959/63 (pindaan 2002);**
- iv. Disabitkan kesalahan dan dihukum penjara oleh mana-mana negeri atau negara dan tidak menerima pengampunan;**

- v. Dianggap oleh Ketua Pengarah sebagai imigran pendatang yang tidak diinginkan;**
- vi. Pelacur;**
- vii. Individu yang mencuba untuk membawa masuk pelacur ke dalam negara;**
- viii. Kuturayau atau peminta sedekah; dan**
- ix. Individu yang kemasukannya menyalahi undang-undang imigresen.**

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING [PENAMPANG]

TARIKH : 18 MAC 2014

SOALAN:

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta **MENTERI TSUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan bilakah **projek tebatan banjir (*flood mitigation measure/project*)** yang telah diumumkan pada tahun 2011 akan dimulakan di daerah Penampang.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) telah menyiapkan reka bentuk terperinci untuk Pelan Induk Tebatan Banjir Lembangan Sungai Moyog pada tahun 2013 dan telah mengemukakan cadangan kerja fizikal untuk kawasan keutamaan di kawasan Kibabaig dengan kos RM41 juta dalam Rolling Plan ke-4 di bawah RMKe-10 kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Cadangan kerja fizikal tersebut merangkumi kerja-kerja menaik taraf rangkaian prasarana saliran bagi penyelesaian kepada masalah banjir yang selalu membelenggu masyarakat di Daerah Penampang khususnya di kawasan Kibabaig. Cadangan di kawasan Kibabaig ini ataupun Skim 1 akan memberi penyelesaian khusus di kawasan Kampung Kibabaig dan Pekan Dongongan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG
[BAGAN]**

TARIKH : 18 MAC 2014 (SELASA)

SOALAN

TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan Status dan sebabnya Penang Sentral bernilai RM2 bilion masih belum mula kerja sejak dilancarkan pada 2008 sebagai hab integrasi pengangkutan awam untuk Wilayah Utara sungguhpun Kerajaan negeri telah menjualkan kepadanya semua tanah yang diperlukan untuk menjayakan projek ini.

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Pada umumnya, projek Penang Sentral telah tertangguh sejak tahun 2008 adalah disebabkan oleh isu-isu pengambilan tanah daripada pelbagai pihak tuan tanah yang terlibat. Pengambilan tanah mengambil masa agak lama kerana melibatkan prosedur pindah milik dan sebagainya melalui pihak-pihak berkuasa.
2. Pada masa yang sama, pihak Penang Sentral Sdn. Bhd. (PSSB) juga perlu menyelesaikan isu-isu berkaitan penjaja di tapak projek sebelum kerja-kerja dapat dijalankan.
3. Di samping itu, bagi memastikan projek Penang Sentral ini terus berdaya saing dan mencapai objektifnya, pihak PSSB telah menjalankan proses mengkaji dan menilai semula reka bentuk Terminal Pengangkutan Bersepadu dan keseluruhan komponen-komponen pembangunan projek Penang Sentral secara terperinci untuk mewujudkan pembangunan yang lebih efisien.
4. PSSB selaku pemaju kepada projek ini telah mengemukakan pindaan reka bentuk projek Penang Sentral kepada Ketua Menteri dan ahli-ahli EXCO negeri Pulau Pinang pada 19 Februari 2014. Pelan pindaan ini secara umumnya akan menyediakan bangunan

Terminal Hub Pengangkutan Bersepadu dengan struktur bangunan yang tersendiri (*'stand-alone building'*) yang mana proses pembinaan bangunan terminal yang lebih praktikal dan akan mempercepatkan lagi kerja-kerja pembinaan di tapak. Di dalam mesyuarat itu juga, pihak PSSB juga telah mengemukakan *'development timeline'* terbaru dan pihak PSSB amat komited untuk memulakan pembangunan tersebut pada penghujung tahun 2014 sebaik sahaja kelulusan dari pihak berkuasa tempatan diperolehi serta kerja-kerja *'temporary work'* disiapkan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. Puan Teo Nie Ching [Kulai]**
TARIKH : **18.3.2014**
SOALAN :

Y.B. Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah graduan DPLI GSTT yang belum ditempatkan di mana-mana sekolah dan jumlah jawatan kosong di sekolah yang belum diisikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Daripada keseluruhan 6,036 graduan DPLI GSTT yang telah menamatkan pengajian pada Jun 2013, seramai 5,922 orang telah diperakukan melalui temuduga oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) pada Disember 2013. Bilangan graduan yang tidak dapat ditempatkan adalah berjumlah 114 orang yang terdiri daripada 107 calon yang gagal temu duga dan 7 orang yang masih dalam semakan pengiktirafan ijazah.

Secara umumnya, penempatan graduan ini telah dan sedang dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mulai Januari hingga sehingga jumlah tersebut selesai ditempatkan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
[PERMATANG PAUH]**

TARIKH : 18.03.2014 (SELASA)

SOALAN :

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan susulan SPRM terhadap laporan MISC Berhad yang dikaitkan dengan skandal rasuah RM33 juta dalam urusannya dengan syarikat kejuruteraan maritim SBP Offshore dari Belanda.

JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Berhubung perkara yang dibangkitkan, perkara ini dalam tindakan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 18 MAC 2014 (SELASA)

DARIPADA : Y.B NGA KOR MING [TAIPING]

SOALAN :-

Y.B. NGA KOR MING [TAIPING] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah rancangan dan jumlah peruntukan kerajaan untuk membangunkan 452 buah Kampung Baru dan kampung-kampung tradisional masing-masing di seluruh negara serta rancangan kementerian untuk meningkatkan pendapatan rakyat di kawasan tersebut.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam RMKe-10 Kerajaan telah memperuntukan sejumlah RM247 juta bagi pembangunan infrastruktur di 607 buah Kampung Baru di Semenanjung Malaysia. Selain daripada pembangunan infrastruktur, Kerajaan juga memperuntukan sejumlah RM100 juta sebagai pinjaman mudah untuk membantu penduduk kampung baru bagi memperbaharui pajakan tanah, menjalankan perniagaan kecil serta menaik taraf rumah. Pinjaman tersebut boleh digunakan oleh penduduk, antara lain untuk menambah pendapatan mereka dengan menjalankan perniagaan kecil. Bagi Kampung-Kampung Tradisional pula, tiada peruntukan khusus disediakan di bawah RMKe-10. Walau bagaimanapun, Kerajaan menyediakan peruntukan untuk membina kemudahan asas dan infrastruktur di bawah Program Projek-Projek Kecil dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2014

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : UST. DATO' DR. MOHD. KHAIRUDDIN BIN AMAN
RAZALI [KUALA NERUS]**

TARIKH : 18 MAC 2014

SOALAN :

**Ust. Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]
minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
menyatakan kesan industri sawit di negara ini akibat daripada sentimen
anti sawit yang dimanipulasikan oleh pihak-pihak tertentu.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Badan-badan bukan Kerajaan (*Non Governmental Organisations* – NGOs) terutamanya di negara-negara Barat menerusi kempen anti sawit mereka telah memberi imej negatif terhadap industri sawit negara terutamanya dari sudut kemampuan industri ini. Pembangunan industri sawit seringkali dikaitkan dengan pelupusan kawasan hutan dan kemusnahan habitat hidupan liar. Selain itu, ada pihak-pihak tertentu yang mempersoalkan khasiat minyak sawit dari sudut kesihatan.

Kempen-kempen anti-sawit tersebut merupakan satu cabaran kepada industri sawit negara. Sehubungan dengan itu, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk mengikis tanggapan negatif kempen-kempen tersebut. Ini jelas dapat dilihat dengan peningkatan eksport produk-produk sawit negara. Umpamanya, pada tahun 2013, negara telah mengeksport 25.661 juta tan produk-produk sawit berbanding dengan 24.591 juta tan pada tahun 2012. Pasaran-pasaran produk sawit adalah negara China, Kesatuan Eropah, Pakistan, Amerika Syarikat dan India.

Sungguhpun demikian, Kementerian bersama-sama dengan agensi-agensi di bawahnya seperti Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) akan sentiasa terus mengambil pendekatan proaktif bagi menangani isu ini. Ini termasuk menganjurkan seminar, menerbitkan artikel dan dokumentari, mengadakan kerjasama dengan institusi-institusi penyelidikan terulung di negara-negara berkenaan dan mempelawa wartawan dari negara

berkenaan untuk melihat sendiri amalan kemampanan yang dilaksanakan oleh industri sawit negara. Usaha-usaha ini dijalankan secara berterusan untuk memberi tanggapan positif mengenai minyak sawit Malaysia kepada semua pihak berkepentingan.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 63

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN KHOO SOO SEANG [TEBRAU]

TARIKH : 18 MAC 2014

RUJUKAN : 6512

SOALAN:

TUAN KHOO SOO SEANG [TEBRAU] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan prosedur untuk mendaftarkan anak-anak warga Malaysia yang dilahirkan luar nikah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Setiap kelahiran yang berlaku di Malaysia hendaklah didaftarkan di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Dalam hal ini, JPN mendaftarkan kelahiran kanak-kanak di Malaysia mengikut peruntukan undang-undang seperti berikut:

- i. Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299) bagi Semenanjung Malaysia;**
- ii. Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian Bab 123 (No. 11 Tahun 1948) bagi Negeri Sabah; dan**
- iii. Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian Bab 10 (No. 6 Tahun 1951) bagi Negeri Sarawak.**

Tafsiran anak yang dilahirkan luar nikah (anak tak sah taraf) merujuk kepada anak yang dilahirkan di luar perkahwinan ibu bapa iaitu apabila perkahwinan ibu bapa tidak didaftarkan di bawah undang-undang sivil bagi pasangan bukan beragama Islam ataupun perkahwinan ibu bapa tidak cukup tempoh 6 bulan qamariah semasa kelahiran anak bagi pasangan yang beragama Islam. Dalam hal ini, prosedur pendaftaran kelahiran anak luar nikah adalah sama seperti prosedur pendaftaran kelahiran biasa.

Pertama sekali, pemaklum kelahiran perlu mengisi maklumat kelahiran kanak-kanak di dalam Borang Daftar Kelahiran dengan lengkap serta mengemukakan dokumen-dokumen yang diperlukan seperti berikut:

- i. Dokumen kanak-kanak (asal dan salinan) iaitu Borang Pengesahan Kelahiran daripada hospital atau Surat Akuan Bidan/Doktor bagi kelahiran di rumah (asal), Kad Prnatal (Buku Rawatan Mengandung (asal dan salinan) dan Kad Kesihatan dan Imunisasi Kanak-Kanak (asal dan salinan);**
- ii. Dokumen ibu bapa (asal dan salinan) iaitu Kad Pengenalan atau Permit Masuk atau Pasport bagi ibu dan bapa kanak-kanak serta individu yang melaporkan kelahiran (asal dan salinan) dan Dokumen Perkahwinan atau Perceraian atau Sijil Kematian ibu dan bapa kanak-kanak (asal dan salinan); atau**
- iii. Dokumen pemaklum (asal dan salinan) iaitu Kad Pengenalan atau Permit Masuk atau Pasport.**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **TUAN SU KEONG SIONG (IPOH TIMUR)**

TARIKH : **18 MAC (SELASA)**

SOALAN : **67 64**

Tuan Su Keong Siong minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan jumlah pendaftaran di bawah Personal Data Protection Act 2010 (PDPA) setelah tarikh penutup 15 Februari 2014. Nyatakan keberkesanan PDPA dalam pencegahan penyalahgunaan data peribadi oleh sesetengah pihak.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709) telah dikuatkuasakan pada 15 November 2013. Setakat 15 Februari 2014, jumlah permohonan pendaftaran pengguna data yang telah diterima oleh Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi adalah sebanyak 8449 permohonan. Keberkesanan Akta belum dapat dinilai sepenuhnya lagi memandangkan ianya baru sahaja dikuatkuasakan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. Dato' Henry Sum Agong [Lawas]**
TARIKH : **18.03.2014**
SOALAN :

Y.B. Dato' Henry Sum Agong [Lawas] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kementerian akan melaksanakan '*School-Based Assessment System*' (*PBS*) di kalangan murid-murid Tahun 6 mulai tahun 2014.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) bermula di Tahun 1 Sekolah Rendah, pada tahun 2011 dan Tingkatan 1, Sekolah Menengah pada tahun 2012. Walaupun pelaksanaannya belum lengkap satu kitaran, dapatan lawatan pemantauan dan kajian impak PBS pada 2012 menunjukkan bahawa guru lebih kreatif dalam pengajaran, pembelajaran dan pentaksiran kerana tiada lagi tekanan peperiksaan. Murid didapati lebih aktif dan kreatif selain daripada pembelajaran yang lebih seimbang kerana tidak lagi hanya berfokus terhadap pencapaian akademik semata-mata.

Walau bagaimanapun, KPM telah mengambil inisiatif meneliti semula pelaksanaan PBS dengan membuat kajian semula PBS mulai Februari 2014 dan pengumuman telah dibuat oleh YAB Menteri Pendidikan pada 18 Mac 2014.

Antara penambahbaikan adalah Dokumen Standard Prestasi (DSP) dipermudahkan; guru tidak perlu lagi menyediakan Fail Perkembangan Murid (FPM) dan melengkapkan Rekod Transit; dan guru boleh merekodkan perkembangan pembelajaran murid secara *offline*.

NO. SOALAN: 66

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN JULIAN TAN KOK PING [STAMPIN]

TARIKH : 18 MAC 2014

RUJUKAN : 6693

SOALAN:

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan secara terperinci jumlah "*Scrap Dealers*" yang berlesen serta tidak berlesen di Semenanjung Malaysia serta di Sabah dan Sarawak. Senaraikan kesemua syarikat yang berlesen mengikut bahagian kawasan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Statistik pengeluaran lesen “Scrap Dealers” atau lesen sekehend hanya bagi semenanjung Malaysia sahaja tidak termasuk Sabah dan Sarawak memandangkan Akta Peniagaan Sekenhend 1946 tidak meliputi negeri-negeri berkenaan. Pengeluaran lesen sekehend bagi negeri Sabah dan Sarawak masa kini masih lagi di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Perbincangan antara pihak PDRM dengan pihak Kerajaan Negeri untuk menyelaraskan pengeluaran lesen berkenaan sedang dibuat setelah Perintah Negeri Sarawak (Peluasan dan ubah suaian Akta Sekendhend 1946) 2011 dan Perintah Negeri Sabah (Peluasan dan ubah suaian Akta Sekendhend 1946) 2011 telah diwartakan dan dikuatkuasa mulai 12 Julai 2011.

Statistik pengeluaran lesen sekehend bagi seluruh semenanjung seperti berikut:-

BIL	KONTINJEN	DAERAH	LESEN SEKENHEND
			STATISTIK JUMLAH LESEN SEKENHEND DIKELUARKAN SETAKAT JAN 2014
1.	KUALA LUMPUR	1. BRICKFIELDS	105
		2. CHERAS	224
		3. DANG WANGI	26
		4. PUTRAJAYA	-
		5. SENTUL	300
JUMLAH KESELURUHAN			655

BIL	KONTINJEN	DAERAH	LESEN SEKENHEND
			STATISTIK JUMLAH LESEN SEKENHEND DIKELUARKAN SETAKAT JAN 2014
2.	PULAU PINANG	1. BARAT DAYA	95
		2. S.P. SELATAN	108
		3. S.P. TENGAH	393
		4. S.P. UTARA	250
		5. TIMUR LAUT	157
JUMLAH KESELURUHAN			1,003

BIL	KONTINJEN	DAERAH	LESEN SEKENHEND
			STATISTIK JUMLAH LESEN SEKENHEND DIKELUARKAN SETAKAT JAN 2014
3.	NEGERI SEMBILAN	1.SEREMBAN	347
		2.TAMPIN	0
		3.PORT DICKSON	0
		4.JEMPOL	0
		5.REMBAU	0
		6.NILAI	60
		7.JELEBU	35
		8.KUALA PILAH	0
JUMLAH KESELURUHAN			442

BIL	KONTINJEN	DAERAH	LESEN SEKENHEND
			STATISTIK JUMLAH LESEN SEKENHEND DIKELUARKAN SETAKAT JAN 2014
4.	PERLIS	1. KANGAR	128
		2. PADANG BESAR	25
		3. ARAU	26
JUMLAH KESELURUHAN			179

BIL	KONTINJEN	DAERAH	LESEN SEKENHEND
			STATISTIK JUMLAH LESEN SEKENHEND DIKELUARKAN SETAKAT JAN 2014
5.	KELANTAN	1. KOTA BHARU	241
		2. BACHOK	19
		3. GUA MUSANG	24
		4. JELI	1
		5. KUALA KRAI	18
		6. MACHANG	25
		7. PASIR MAS	16
		8. PASIR PUTIH	29
		9. TANAH MERAH	26
		10. TUMPAT	20
JUMLAH KESELURUHAN			419

BIL	KONTINJEN	DAERAH	LESEN SEKENHEND
			STATISTIK JUMLAH LESEN SEKENHEND DIKELUARKAN SETAKAT JAN 2014
6.	PAHANG	KUANTAN	233
		TEMERLOH	105
		BENTONG	47
		RAUB	41
		LIPIS	17
		JERANTUT	44
		PEKAN	13
		ROMPIN	34
		MARAN	22
		BERA	38
C/HIGHLANDS	11		
JUMLAH KESELURUHAN			605

BIL	KONTINJEN	DAERAH	LESEN SEKENHEND
			STATISTIK JUMLAH LESEN SEKENHEND DIKELUARKAN SETAKAT JAN 2014
7.	MELAKA	1. MELAKA TENGAH	322
		2. ALLOR GAJAH	72
		3. JASIN	85
JUMLAH KESELURUHAN			479

BIL	KONTINJEN	DAERAH	LESEN SEKENHEND
			STATISTIK JUMLAH LESEN SEKENHEND DIKELUARKAN SETAKAT JAN 2014
8.	PERAK	1. KERIAN	96
		2. PENGKALAN HULU	10
		3. TAPAH	38
		4. BATU GAJAH	90
		5. HILIR PERAK	104
		6. GERIK	19
		7. IPOH	551
		8. KAMPAR	61
		9. KUALA KANGSAR	25
		10. SELAMA	11
		11. TAIPING	167
		12. MANJUNG	154
		13. PERAK TENGAH	6
		14. SUNGAI SIPUT	27
		15. TANJUNG MALIM	30
JUMLAH KESELURUHAN			1,389

BIL	KONTINJEN	DAERAH	LESEN SEKENHEND
			STATISTIK JUMLAH LESEN SEKENHEND DIKELUARKAN SETAKAT JAN 2014
9.	JOHOR	1. LEDANG	23
		2. BATU PAHAT	158
		3. JOHOR BHARU SELATAN	98
		4. JOHOR BHARU UTARA	133
		5. KLUANG	103
		6. KOTA TINGGI	52
		7. KULAIJAYA	129
		8. MERSING	27
		9. MUAR	113
		10. NUSAJAYA	21
		11. PONTIAN	94
		12. SEGAMAT	161
		13. SERI ALAM	162
JUMLAH KESELURUHAN			1,274

BIL	KONTINJEN	DAERAH	LESEN SEKENHEND
			STATISTIK JUMLAH LESEN SEKENHEND DIKELUARKAN SETAKAT JAN 2014
10.	KEDAH	1. BALING	52
		2. BANDAR BHARU	10
		3. KOTA SETAR	163
		4. KUALA MUDA	268
		5. KUBANG PASU	52
		6. KULIM	144
		7. LANGKAWI	14
		8. PADANG TERAP	9
		9. PENDANG	14
		10. SIK	2
		11. YAN	15
JUMLAH KESELURUHAN			743

BIL	KONTINJEN	DAERAH	LESEN SEKENHEND
			STATISTIK JUMLAH LESEN SEKENHEND DIKELUARKAN SETAKAT JAN 2014
11.	SELANGOR	1.KLANG SELATAN	118
		2.KLANG UTARA	68
		3.SERDANG	44
		4.AMPANG JAYA	121
		5.GOMBAK	165
		6.HULU SELANGOR	77
		7.KAJANG	298
		8.KUALA LANGAT	91
		9.KUALA SELANGOR	42
		10.PETALING JAYA	66
		11.SUNGAI BULOH	1
		12. SABAK BERNAM	70
		13. SEPANG	14
		14. SHAH ALAM	189
		15. SUBANG JAYA	64
JUMLAH KESELURUHAN			1,428

BIL	KONTINJEN	DAERAH	LESEN SEKENHEND
			STATISTIK JUMLAH LESEN SEKENHEND DIKELUARKAN SETAKAT JAN 2014
1.	TERENGGANU	1.KUALA TERENGGANU	19
		2. HULU TERENGGANU	20
		3. KEMAMAN	6
		4. DUNGUN	27
		5. BESUT	30
		6. SETIU	69
		7. MARANG	3
JUMLAH KESELURUHAN			174

Senarai nama syarikat mengikut kawasan tidak dapat diberikan memandangkan jumlah syarikat terlalu banyak untuk disenaraikan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH [JASIN]

TARIKH : 18 MAC 2014

RUJUKAN : 6513

SOALAN:

Datuk Wira Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah konkrit, tegas dan pantas dalam membasmi perbuatan-perbuatan pihak pembangkang yang semakin berani serta biadap mencabar dan menghina institusi-institusi penting seperti kedaulatan Raja-raja Melayu, kesucian agama Islam, keluhuran perlembagaan, integriti kehakiman dan maruah PDRM.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan memandang serius terhadap tindakan oleh pihak-pihak tertentu yang dengan sengaja dan berani mencabar serta menghina institusi-institusi penting seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat Jasin. Kementerian Dalam Negeri melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa melakukan pemantauan dan risikan ke atas aktiviti-aktiviti yang menjurus kepada permasalahan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Jasin iaitu perbuatan mencabar dan menghina institusi-institusi penting seperti kedaulatan Raja-raja Melayu, kesucian agama Islam, keluhuran perlembagaan, integriti kehakiman dan maruah PDRM.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam hubungan ini, tindakan yang sewajarnya akan diambil berdasarkan undang-undang sedia ada termasuklah Akta Hasutan 1948 dengan izin Yang Dipertua tanpa “*double standard*” terhadap mana-mana orang perseorangan, kumpulan ataupun pertubuhan sekiranya hasil siasatan mendapati perbuatan mereka benar-benar melanggar undang-undang di negara ini. Dalam hal ini, Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan yang tegas terhadap mereka yang terlibat. Walau bagaimanapun, ingin saya tegaskan disini bahawa siasatan pihak Polis adalah berdasarkan kepada kehendak undang-undang dan semua laporan Polis yang dibuat akan disiasat dengan teliti sebelum mengambil apa-apa tindakan perundangan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TENGGU RAZALEIGH HAMZAH
[GUA MUSANG]**

TARIKH : 18 MAC 2014

SOALAN :

TENGGU RAZALEIGH HAMZAH [Gua Musang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan sedia bertindak supaya syarikat-syarikat konsesi jalan raya bertol, IPP (syarikat pembekal kuasa tenaga) dikenakan, bersetuju menerima hanya sejumlah keuntungan yang minimum dan menyerahkan dengan rela hati keuntungan selebihnya kepada Kerajaan/agensi berkenaan sebagai langkah membantu mengurangkan kos hidup rakyat menghadapi keadaan sekarang ini.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa memastikan perjanjian konsesi bagi projek-projek penswastaan ditandatangani berdasarkan pendekatan menang-menang (*win-win* - dengan izin) dengan memberi penekanan kepada aspek-aspek penyampaian perkhidmatan dan penyediaan infrastruktur berkualiti tinggi serta penetapan terma dan syarat yang tidak akan menjejaskan kepentingan Kerajaan. Selain itu, konsep *win-win* juga memastikan penetapan kadar pulangan berdasarkan *Internal Rate of Return* (IRR - dengan izin) yang minima serta dipersetujui oleh syarikat konsesi melalui proses rundingan.

Berhubung projek-projek penswastaan lebih raya, selain menetapkan kadar pulangan minima, Kerajaan juga telah menetapkan syarat perkongsian keuntungan dalam perjanjian berdasarkan pencapaian kepada *threshold* tertentu. Walau bagaimanapun, perkongsian keuntungan ini menjadi efektif sekiranya kutipan tol melebihi unjuran (yang dibuat terdahulu) dan syarikat konsesi telah menyempurnakan kos perbelanjaan modal (*capital expenditure* - dengan izin) serta kos pembiayaan sepenuhnya.

Bagi projek penswastaan IPP pula, Kerajaan tidak menetapkan sebarang syarat berkenaan perkongsian keuntungan kepada mana-mana syarikat konsesi. Dalam hal ini, Kerajaan akan sentiasa mendapat manfaat daripada aspek kutipan cukai korporat sekiranya

syarikat konsesi mencatat sebarang keuntungan. Walau bagaimanapun, bagi menangani syarikat konsesi mendapat keuntungan luar biasa, Kerajaan telah melaksanakan mekanisme bidaan secara kompetitif (*competitive bidding* - dengan izin) bagi memastikan *value for money* (dengan izin) dan pelaksanaan projek tidak akan menjejaskan komitmen kewangan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' WIRA MOHD JOHARI BIN BAHAROM
[KUBANG PASU]

TARIKH : 18 MAC 2014

SOALAN :

Dato' Wira Mohd Johari bin Baharom [Kubang Pasu] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan tentang perlombongan bijih timah, emas, uranium dan petrol/gas asli di negara kita. Apakah unjuran pengeluaran hasil-hasil bumi berkenaan kepada ekonomi negara kita sejak tahun 2005 sehingga kini. Apakah ramalan Kerajaan terhadap pengeluaran hasil-hasil bumi berkenaan untuk tempoh 10 tahun lagi dan apakah langkah-langkah perlu yang sedang diambil bagi mengatasi masalah kehabisan hasil bumi berkenaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini aktiviti perlombongan di Malaysia mengeluarkan pelbagai jenis mineral. Antara mineral utama yang dihasilkan ialah bijih besi, emas, bijih timah, mangan, kaolin, pasir silika dan arang batu. Buat masa ini tiada perlombongan uranium dijalankan di Malaysia, manakala petroleum dan gas asli pula dikawal selia oleh Jabatan Perdana Menteri.

Secara keseluruhan, pengeluaran mineral negara (tidak termasuk petroleum dan gas) di antara tahun 2005 hingga 2012 adalah amat memberangsangkan. Nilai pengeluaran mineral telah meningkat daripada RM1.96 bilion pada tahun 2005 kepada RM6.39 bilion pada tahun 2012 dan dijangka terus meningkat lagi bagi tahun 2013 kepada RM6.5 bilion.

Pengeluaran bijih timah semenjak 2005 telah menunjukkan peningkatan, di mana jumlah pengeluaran kumulatif dari tahun 2005 sehingga 2013 adalah 25,983 tan metrik. Pada tahun 2005, jumlah pengeluaran bijih timah ialah 2,858 tan metrik timah, manakala dalam tahun 2012, ianya meningkat kepada 3,745 tan metrik. Bagi logam emas pula, pada tahun 2005 sebanyak 4,249 kilogram telah dikeluarkan, manakala pada tahun 2012 pula berjumlah 4,625 kilogram. Jumlah pengeluaran kumulatif bagi tahun 2005 hingga 2013 ialah sebanyak 32,419 kilogram.

Bagi tempoh 10 tahun lagi, pengeluaran timah dan emas adalah amat bergantung kepada rizab yang ada dan boleh dilombong, pembukaan lombong-lombong baru serta permintaan terhadap logam ini. Berdasarkan rizab semasa, pengeluaran timah adalah dianggarkan di sekitar 3,000 hingga 3,500 tan metrik manakala pengeluaran emas pula adalah di sekitar 3,000 kilogram setahun. Kerja-kerja eksplorasi dan carigali yang dijalankan secara berterusan untuk mencari longgokan mineral-mineral yang baru dijangka akan menambah kepada rizab mineral negara yang sedia ada.

Menyedari bahawa mineral adalah merupakan sumber yang terhad dan tidak boleh diperbaharui, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah melancarkan Dasar Mineral Negara 2 pada tahun 2009 yang di antara lainnya menggalakkan industri perlombongan mengamalkan kaedah perlombongan terbaik dan mampan, mempromosikan perolehan, kitar semula dan guna semula mineral, logam dan produk berasaskan mineral, dan pengurusan sumber mineral yang berkesan menerusi pengezonan kawasan berpotensi mineral untuk kegunaan masa depan serta mengelakkan daripada berlakunya konflik guna tanah.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID
[KUALA LANGAT]**

TARIKH : 18 MAC 2014

SOALAN:

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta PERDANA MENTERI menyatakan keperluan menambah pakaian seragam (*uniform*) kakitangan awam daripada tiga pasang kepada lima pasang.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa mengambil berat kebajikan penjawat awam. Sehubungan itu, Kerajaan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 1990 telah memperuntukkan bekalan pakaian seragam sebanyak dua (2) pasang seorang setahun kepada penjawat awam yang berkeelayakan. Melalui Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 1995, Kerajaan telah menambahbaik bekalan pakaian seragam kepada tiga (3) pasang seorang setahun yang berkuatkuasa pada 7 November 1995.

Pemberian kemudahan ini meliputi seramai 324,000 orang penjawat awam dengan kos sebanyak RM224 juta setahun bagi upah jahit sahaja. Kos ini tidak termasuk kos bekalan kain dan kaedah pembekalan pakaian seragam yang siap dijahit serta perolehan perkhidmatan jahitan secara berasingan oleh kementerian/jabatan.

Penambahan bilangan pakaian seragam daripada 3 pasang kepada 5 pasang setahun akan melibatkan kos tambahan sebanyak RM149 juta setahun. Sehubungan itu, pertimbangan terhadap cadangan berkenaan adalah tertakluk kepada kemampuan kewangan Kerajaan.

Sekian. Terima kasih.

NO.SOALAN: 71

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN
[KOTA BHARU]**

TARIKH : 18 MAC 2014

RUJUKAN : 6514

SOALAN:

DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN [KOTA BHARU] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah keberkesanan pengguna Akta Pertubuhan 1966 oleh Kerajaan untuk menyita dan merampas premis pertubuhan-pertubuhan yang tidak berdaftar termasuk gerakan Syiah di negara ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) sentiasa membuat pemantauan dan pemeriksaan bernothis dan tidak bernothis secara berkala ke atas pertubuhan-pertubuhan yang berdaftar dengan JPPM. Selain itu, JPPM juga membuat pemantauan dan menjalankan operasi bersepadu dengan agensi-agensi lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) ke atas pertubuhan yang bergerak tanpa berdaftar dengan JPPM termasuk gerakan Syiah hasil daripada aduan, risikan dan maklumat yang lain yang diterima. Dalam hal ini, JPPM menggunakan peruntukan undang-undang di bawah Seksyen 64 Akta Pertubuhan 1966 (Akta 335) yang memberi kuasa kepada Pendaftar atau seseorang Penolong Pendaftar atau mana-mana pegawai lain yang dilantik di bawah seksyen kecil (1A) seksyen 3 dan diberi kuasa dengan sepenuhnya secara bertulis oleh Pendaftar atau Penolong Pendaftar untuk masuk, menggeledah dan menyita dalam hal-hal khas sesebuah pertubuhan yang berdaftar atau menyalahi undang-undang sekiranya ada bukti kukuh.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN SIM TONG HIM
(KOTA MELAKA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 18.03.2014

Y.B. TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA] minta **MENTERI**

KEWANGAN menyatakan kedudukan terkini hutang Kerajaan Negeri Melaka kepada

Kerajaan Persekutuan:-

(a) nyatakan projek-projek yang berkaitan dengan pinjaman ini; dan

(b) jumlah bayaran balik oleh Kerajaan Negeri Melaka setiap tahun dari tahun 2001 hingga tahun 2013.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

a. Sehingga 31 Januari 2014 hutang Kerajaan Negeri Melaka melalui pinjaman yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM901.43 juta.

Pecahan hutang mengikut projek adalah seperti berikut:

PROJEK	HUTANG
PERUMAHAN AWAM KOS RENDAH (PAKR)	RM108.60 juta
BEKALAN AIR	RM145.19 juta
PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI (PKEN)	RM234.65 juta
PELBAGAI*	RM412.99 juta
JUMLAH	RM901.43 juta

*Pelbagai projek termasuk pengambilan tanah, kemudahan SUKMA, projek bina kompleks sukan dan kompleks DUN Melaka.

(b) Jumlah keseluruhan bayaran balik pinjaman yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri Melaka dari tahun 2001 hingga tahun 2013

adalah sebanyak RM212.54 juta. Pecahan bayaran balik pinjaman mengikut tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Bayaran balik
2001	RM29.15 juta
2002	RM16.97 juta
2003	RM32.42 juta
2004	RM33.91 juta
2005	RM32.96 juta
2006	RM20.28 juta
2007	RM26.83 juta
2008	RM8.40 juta
2009	RM0.45 juta
2010	RM0.00 juta
2011	RM0.18 juta
2012	RM1.25 juta
2013	RM9.74 juta
JUMLAH	RM212.54 juta

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]
TARIKH : 18.03.2014
SOALAN :

Y.B. Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah kursus-kursus yang ditawarkan of Universiti Kuala Lumpur (MIMET), cawangan Manjung dan jumlah penuntut-penuntut dalam universiti ini mengikut pecahan kaum.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Universiti Kuala Lumpur, *Malaysian Institute of Marine Engineering Technology* (UniKL MIMET) yang terletak di Manjung, Perak adalah merupakan antara institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) di bawah pengurusan syarikat Universiti Teknikal MARA Sdn. Bhd. UniKL MIMET menawarkan tujuh (7) program yang terdiri daripada tiga (3) program di peringkat Ijazah Sarjana Muda dan empat (4) program di peringkat Diploma adalah seperti berikut:

- (i) *BET (Hons) in Naval Architecture and Shipbuilding;*
- (ii) *Bachelor of Engineering Technology (Hons) in Marine Electrical and Electronic;*
- (iii) *Bachelor of Maritime Operations;*
- (iv) *Diploma of Engineering Technology in Ship Construction & Maintenance;*
- (v) *Diploma of Engineering Technology in Marine Engineering;*
- (vi) *Diploma of Engineering Technology in Ship Design;* dan

(vii) *Diploma of Engineering Technology in Marine Electrical & Electronic.*

Sehingga 31 Disember 2013, jumlah enrolmen pelajar di Universiti Kuala Lumpur (MIMET) adalah seramai 1,715 orang.

Rjm39

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]

TARIKH : 18 MAC 2014

RUJUKAN : 6515

SOALAN:

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah hasil siasatan insiden serangan '*molotov cocktail*' terhadap *The Church of the Assumption*, Lebuhr Farquhar Pulau Pinang dan insiden membaling daging ke masjid di Cherok To Kun. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menjaga keselamatan tempat-tempat ibadat.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa ini, saya tidak berhasrat untuk mendedahkan hasil siasatan insiden serangan '*molotov cocktail*' terhadap *The Church of the Assumption*, Lebuhraya Farquhar Pulau Pinang dan insiden membaling daging ke masjid di Cherok To Kun kerana ia masih dalam siasatan pihak polis.

Tuan Yang di-Pertua,

Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan rakyat di negara ini sentiasa terpelihara. Oleh itu, Kementerian Dalam Negeri melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) tidak pernah berkompromi terhadap mana-mana kumpulan mahupun individu yang cuba mencetuskan isu-isu sensitif termasuk isu perkauman dan isu agama seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat Bayan Baru. Dalam hubungan ini, pihak Polis tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan yang tegas terhadap mereka berdasarkan undang-undang sedia ada sekiranya hasil siasatan mendapati perbuatan mereka benar-benar melanggar undang-undang di negara ini.

Di kesempatan ini juga, saya ingin merayu kepada semua pihak untuk menunaikan peranan agar tidak mengapi-apikan lagi insiden-insiden seperti ini demi menjaga keselamatan dan keharmonian kehidupan beragama serta pelbagai kaum di negara kita yang tercinta ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN LIANG TECK MENG
[SIMPANG RENGAM]**

TARIKH : 18 MAC 2014

RUJUKAN : 6516

SOALAN:

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan tatatertib terhadap pegawai-pegawai imigresen yang terbabit dalam jenayah membantu pengedaran dadah. Apakah strategi Kementerian supaya perkara seperti ini tidak berlaku lagi.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, tiada pegawai-pegawai imigresen yang dilaporkan terlibat atau ditangkap kerana terbabit dalam jenayah membantu pengedaran dadah melalui semakan rekod di Unit Tatatertib, Bahagian Integriti, Jabatan Imigresen Malaysia.

Walau bagaimanapun, semakan rekod dari tahun 2012 hingga 2013 mendapati enam (6) orang pegawai imigresen telah diambil tindakan Tahan Kerja kerana terlibat dalam penggunaan dadah hasil dari tangkapan Polis Diraja Malaysia. Mereka telah dihadapkan ke mahkamah dan kes mereka masih dalam perbicaraan.

Jabatan Imigresen Malaysia akan mengambil tindakan tatatertib yang tegas dengan tujuan Buang Kerja terhadap pegawai-pegawai yang terlibat serta disahkan positif dalam penggunaan dadah berdasarkan arahan dalam Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Tuan Yang di-Pertua,

Sehubungan dengan ini, Bahagian Integriti, Jabatan Imigresen Malaysia menggunakan strategi supaya perkara seperti ini tidak berlaku lagi dengan menjalani ujian saringan kencing dengan kerjasama Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) yang berterusan

terutamanya pegawai-pegawai yang bertugas di pintu-pintu masuk dan Depot Tahanan Imigresen.

Di samping ini, Jabatan Imigresen Malaysia mengenakan strategi agar pegawai yang berkhidmat di antara tiga (3) hingga lima (5) tahun di jawatan-jawatan sensitif supaya ditukarkan ke jawatan lain bagi memperkaya dan memperluaskan tugas (*job enrichment and job enlargement*) pegawai Imigresen.

Sebagai langkah punitif, Bahagian Integriti, Jabatan Imigresen Malaysia juga menjalani strategi pencegahan melalui *road-show* ceramah atau tazkirah di seluruh Malaysia.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATUK BUNG MOKTAR BIN
RADIN [KINABATANGAN]**

TARIKH : 18 MAC 2014

SOALAN :

YB. Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam usaha menaiktaraf dan selanjutnya mempromosi tempat-tempat pelancongan tempatan seperti yang terdapat di daerah Kinabatangan.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia telah memperuntukkan sebanyak **RM46.7 juta** di bawah Rancangan Malaysia KeSepuluh (RMKe-10) bagi melaksanakan projek-projek pembangunan di Negeri Sabah dan sebanyak **RM7.5 juta** telah diperuntukkan di kawasan Parlimen Kinabatangan bagi melaksanakan **Projek Pembinaan Bangunan Perpustakaan Awam Cawangan Kinabatangan, Sabah.**

Kementerian ini juga telah memperuntukkan sebanyak RM280,000.00 bagi menaiktaraf kemudahan homestay di daerah Kinabatangan iaitu:

- a) **Projek Menaiktaraf Kemudahan Homestay Miso Walai** sebanyak **RM180,000.00**; dan
- b) **Projek Menaiktaraf Kemudahan Homestay Bilit** sebanyak **RM100,000.00**

Antara projek-projek yang dluluskan adalah seperti:

- a) Menaiktaraf jeti Kampung Menggaris;
- b) Pembinaan *handrail* di kawasan jeti; dan
- c) Laluan pejalan kaki

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia telah memperuntukkan sebanyak **RM1.3 juta** di bawah Rancangan Malaysia KeSembilan (RMKe-9) bagi **Projek Menaiktaraf Infrastruktur**

Pelancongan di Santuari Hidupan Liar Hilir Kinabatangan. Projek ini telah siap sepenuhnya dan telah dimanfaatkan oleh pelancong-pelancong yang berkunjung ke Kinabatangan.

Pelbagai usaha yang telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian dalam mempromosikan kawasan Kinabatangan sebagai salah satu daripada *eko-tourism* yang terkemuka di negara ini, antaranya ialah dengan menyediakan maklumat berhubung lokasi-lokasi pelancongan yang menarik di kawasan Kinabatangan melalui brosur dan risalah di setiap Pusat Penerangan Pelancongan di seluruh negara dan di semua 44 Pejabat Pelancongan Malaysia di luar negara.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN : 77

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK IKMAL
HISYAM BIN ABDUL AZIZ
(TANAH MERAH)**

**TARIKH : 18.03.2014
(SELASA)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan apakah langkah yang akan dilakukan oleh Kementerian bagi memastikan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) terus relevan dan memberikan manfaat kepada negara, memandangkan baru-baru ini wujud dakwaan bahawa program itu hanya membazirkan wang Kerajaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian dan Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) sentiasa menyelaraskan dan memperkenalkan modul terkini mengikut keperluan semasa. Ia merangkumi kaedah pelaksanaan PLKN yang lebih dinamik dan progresif bagi memastikan PLKN terus kekal relevan dan seterusnya memaksimumkan potensi generasi muda melalui pendekatan pelaksanaan transformasi PLKN yang lebih segar dan dekat dengan generasi muda. JLKN berperanan menentukan sebarang program dan modul yang ditawarkan dalam PLKN dapat memberi nilai yang maksimum kepada pelatih sepanjang pelaksanaan PLKN dan juga menepati objektif pelaksanaan PLKN itu sendiri.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian sedang merangka pelan bagi melaksanakan transformasi PLKN sebagaimana diumumkan baru-baru ini. Satu Jawatankuasa akan ditubuhkan untuk menilai keberkesanan Pelan

Transformasi PLKN tersebut. Ianya akan merangkumi kaedah pelaksanaan PLKN yang lebih dinamik dan progresif bagi memastikan PLKN terus kekal relevan dan seterusnya memaksimumkan potensi generasi muda melalui pendekatan pelaksanaan transformasi PLKN yang lebih segar dan dekat dengan generasi muda.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. HAJI ABD. LATIFF BIN HAJI AHMAD
(MERSING)**

TARIKH : 18 MAC 2014 (SELASA)

SOALAN :

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Haji Ahmad [Mersing] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah usaha-usaha yang diambil oleh Kementerian bagi menyuburkan rasa penghargaan, tanggungjawab dan kasih sayang di kalangan generasi muda terhadap golongan ibu bapa.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Ibu bapa adalah insan yang paling mulia. Mereka telah bertungkus lumus menjaga dan mendidik kita dari kecil hingga kita dewasa. Pengorbanan dan kasih sayang yang mereka berikan tidak boleh dilupakan oleh semua yang bergelar "anak".

Sebagai langkah untuk menyuburkan rasa penghargaan, tanggungjawab dan kasih sayang di kalangan generasi muda terhadap golongan ibu bapa, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah merencanakan dan melaksanakan pelbagai program. Antaranya ialah:

a) Sambutan Hari Ibu dan Hari Bapa

Sambutan Hari Ibu dan Hari Bapa dilaksanakan sejak tahun 2002 bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan

masyarakat untuk menghargai pengorbanan dan kasih sayang ibu dan bapa mereka.

b) Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan

Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan diadakan pada 11 November setiap tahun telah diperluaskan kepada konsep sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan yang disambut pada bulan November mulai tahun 2013. Sambutan ini diadakan bagi menggalakkan masyarakat untuk mengutamakan keluarga melalui aktiviti yang dapat menyubur dan merapatkan hubungan ahli keluarga bagi memupuk nilai-nilai murni dan kasih sayang generasi muda terhadap anggota keluarga mereka.

c) Program Ilmu Keluarga@LPPKN

Program Ilmu Keluarga@LPPKN merupakan usaha KPWKM untuk memupuk dan menyuburkan rasa tanggungjawab ahli keluarga serta memantapkan institusi keluarga. Program ini memfokuskan kepada tema yang berasaskan kepada Pakej Modul KASIH. Antara pengisian program Ilmu Keluarga@ LPPKN meliputi modul-modul berikut:

- Modul Persediaan Perkahwinan dan Permantapan Perkahwinan (Bahtera Kasih)
- Modul Keibubapan (Pancaran Kasih)
- Modul Keibubapaan dan Anak Kecil (Belaian Kasih)
- Modul Keibubapaan dan Anak Remaja (Mutiara Kasih)
- Modul Pembangunan Remaja (Permata Kasih)

Sejak dilaksanakan pada tahun 2006 hingga Disember 2013, sebanyak 10,238 program Ilmu Keluarga@LPPKN telah dilaksanakan yang melibatkan penyertaan seramai 1.15 juta orang peserta. Para peserta turut diberi pengetahuan berkaitan aspek tanggungjawab terhadap anak-anak selain peranan anak-anak untuk menghormati serta menghargai pengorbanan kedua ibu bapa.

Tuan Yang Dipertua,

Usaha untuk meningkatkan penghayatan nilai-nilai murni kekeluargaan memerlukan peranan dan penglibatan semua pihak. Sehubungan itu, KPWK dan LPPKN akan terus bekerjasama dengan agensi-agensinya kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan dan

sektor korporat untuk melaksanakan program pembangunan keluarga di peringkat akar umbi.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN IBRAHIM

TARIKH: 18 MAC 2014

SOALAN:

Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah dana yang diperuntukkan, perincian, dan butiran lain bagi Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) yang dikatakan menawarkan 3,000 tempat buat para belia mendapatkan latihan kemahiran.

PR-1321-L59673

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) telah memperkenalkan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) bermula pada tahun 2005. Objektif program latihan ini adalah untuk mengeluarkan k-pekerja atau *k-worker* (pekerja berkemahiran dan berpengetahuan) melalui satu kaedah latihan komprehensif yang memenuhi kehendak industri semasa. SLDN menekankan penglibatan langsung industri dalam

latihan dan menetapkan 70% daripada latihan perlu dijalankan di tempat kerja dan 30% latihan dijalankan di institusi latihan. Perantis yang berjaya menamatkan latihan akan dianugerahkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) berdasarkan tahap keterampilan yang diperolehi. Sehingga Januari 2014, sejumlah 52,177 perantis dan 2,695 syarikat telah menyertai program ini.

2. Melalui RMKe-10, Kerajaan telah memperluaskan liputan pelaksanaan SLDN bagi menyediakan latihan yang khusus untuk memenuhi golongan pelajar tercicir. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM 80 juta dan mensasarkan 24,000 pelatih akan mendapatkan manfaat dalam tempoh RMKe-10. Setiap perantis yang mengikuti program ini layak diberi elaun sebanyak RM 300 sebulan manakala syarikat dan institusi latihan pula masing-masing layak menerima insentif sebanyak RM 200 dan RM 125 sebulan.